



UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
BERILMU BERBAKTI

MESYUARAT
KAJIAN SEMULA PENGURUSAN
(MKSP)
ISO KALI PERTAMA
(QMS ISO 9001 KALI KELIMA DAN
EMS ISO 14001 KALI KEDUA)

UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

TARIKH : 30 APRIL 2015 (KHAMIS)
MASA : 9.00 PAGI – 1.00 PETANG
TEMPAT: BILIK MESYUARAT UTAMA,
ARAS 4, FAKULTI PERUBATAN DAN SAINS
KESIHATAN, UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**MESYUARAT KAJIAN SEMULA PENGURUSAN (MKSP)
ISO KALI PERTAMA
(QMS ISO 9001 KALI KELIMA DAN EMS ISO 14001 KALI KEDUA)
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

<u>AGENDA</u>	<u>PEMBENTANG</u>
KATA ALUAN Pengerusi	Pengerusi
1.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT 1.1 Minit Mesyuarat MKSP QMS Kali Ke-4 1.2 Minit Mesyuarat MKSP EMS Kali Pertama	Pengerusi
2.0 TINDAKAN SUSULAN MESYUARAT LEPAS 2.1 Tindakan Susulan Mesyuarat MKSP QMS Kali Ke-4 2.2 Tindakan Susulan Mesyuarat MKSP EMS Kali Pertama	[Kertas 1] – Setiausaha [Kertas 2] – Setiausaha
3.0 PENEMUAN AUDIT DAN PENILAIAN KEPATUHAN 3.1 Penemuan Audit QMS 3.1.1 Audit Pemantauan oleh SIRIM 3.1.2 Audit Dalaman 3.2 Penemuan Audit EMS 3.2.1 Audit Tahap 2 oleh SIRIM 3.2.2 Audit Dalaman 3.2.3 Penilaian Kepatuhan dengan Keperluan Perundangan dan Keperluan Lain	[Kertas 3] – Wakil Pengurusan [Kertas 4] – Ketua JAD (QMS) [Kertas 5] – Wakil Pengurusan [Kertas 6] – Ketua JAD (EMS) [Kertas 7] – PUU
4.0 KOMUNIKASI/MAKLUMBALAS PELANGGAN DAN KAJIAN KEPUASAN PELANGGAN 4.1 Maklumbalas Pelanggan (Pelanggan Dalam dan Luar) 4.2 Kajian Kepuasan Pelanggan	[Kertas 8] – TWP PNC [Kertas 9] – TWP PNC
5.0 PRESTASI PROSES DAN KEPATUHAN PRODUK/PERKHIDMATAN (QMS) 5.1 Laporan Semakan Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Q4/2014 5.2 Laporan Semakan Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Q1/2015	[Kertas 10] – Pengerusi [Kertas 11] – Pengerusi
6.0 PRESTASI PENCAPAIAN ALAM SEKITAR (EMS)	[Kertas 12] – TWP EMS

7.0 LAPORAN SEMAKAN PENCAPAIAN OBJEKTIF DAN SASARAN ALAM SEKITAR – sejauh mana objektif dan sasaran telah dipenuhi	[Kertas 13] – TWP EMS
8.0 STATUS TINDAKAN PENCEGAHAN DAN TINDAKAN PEMBETULAN 8.1 Status Tindakan Pencegahan 8.2 Status Tindakan Pembetulan	[Kertas 14] – Wakil Pengurusan [Kertas 15] – Wakil Pengurusan
9.0 PERUBAHAN YANG MEMBERI KESAN KEPADA SISTEM PENGURUSAN KUALITI	[Kertas 16] – Wakil Pengurusan
10.0 PERUBAHAN YANG MEMBERI KESAN KEPADA SISTEM PENGURUSAN ALAM SEKITAR TERMASUK; 10.1 Daftar Undang-Undang 10.2 Aspek Impak 10.3 Lain-Lain Perubahan	[Kertas 17] – PUU [Kertas 18] – TWP EMS [Kertas 19] – TWP EMS
11.0 PELUANG PENAMBAHBAIKAN	[Kertas 20] – Wakil Pengurusan
12.0 HAL-HAL LAIN	
KESIMPULAN	

Nota:

EMS – Sistem Pengurusan Alam Sekitar

JAD – Juruaudit Dalaman


PNC – Pejabat Naib Canselor

PUU – Penasihat Undang-Undang

TWP – Timbalan Wakil Pengurusan Sistem Pengurusan Alam Sekitar


QMS – Sistem Pengurusan Kualiti

AGENDA 2.0
TINDAKAN SUSULAN
MESYUARAT LEPAS



AGENDA 2.1
TINDAKAN SUSULAN
MESYUARAT MKSP QMS
KALI KE-4

[Kertas 1]



AGENDA 2.1: TINDAKAN SUSULAN
MINIT MESYUARAT KAJIAN SEMULA PENGURUSAN (MKSP)
SISTEM PENGURUSAN KUALITI (QMS) MS ISO 9001:2008

BIL	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB /TINDAKAN	STATUS PELAKSANAAN/PENCAPAIAN
1.	4.2 4.2.2	<p>Tindakan Susulan daripada Mesyuarat Lepas (Minit MKSP kali Ke-3)</p> <p>daripada minit 3.3.2 (d) – Audit Dalaman 2013: Dua (2) isu yang dilapor menerima teguran daripada pihak SIRIM dalam tempoh dua (2) tahun berturut-turut dan masih dijumpai semasa audit dalaman telah diambil tindakan iaitu:</p> <p>(a) Isu Kolej yang telah diserahkan pada PJSD atau UPM Holdings. Mesyuarat mengambil perhatian Kolej Mohamed Rashid (KMR) telah menyediakan Perjanjian Perkhidmatan Bangunan Kolej Mohamad Rashid, Universiti Putra Malaysia Serdang, Selangor Darul Ehsan dan telah ditandatangani pada 27 November 2013. Manakala pihak pengurusan Kolej Serumpun telah menyediakan Laporan Ketidakpatuhan PJSD terhadap kerja-kerja seperti termaktub dalam kontrak konsesi. Laporan ini akan dibentang oleh Pengetua Kolej Serumpun dalam Mesyuarat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) bersama Pengetua; dan</p>	<p>Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)</p>	<p><u>Maklum balas TNC HEPA:</u></p> <p>(a) Laporan oleh Pengetua Kolej Serumpun (Kolej 12, 14, 15 dan 16) telah diangkat ke pihak Pengurusan Universiti</p> <p>(b) Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU) menerusi minit mesyuarat 520.05(m) telah mengarahkan pihak Pejabat Penasihat Undang-undang (PUU) meneliti perjanjian dan status perjanjian antara UPM dan PJSD.</p> <p>(c) PUU telah meminta pihak kolej menyediakan laporan perkara-perkara yang tidak dipatuhi oleh pihak PJSD menerusi surat UPM/PPUU/2.1 (PJSD)</p> <p>(d) Pihak kolej telah menyediakan laporan dan telah dimajukan ke PUU pada tarikh 26 September 2014 untuk tindakan selanjutnya.</p> <p>(e) Mesyuarat antara PUU dan PJS</p>

TINDAKAN SUSULAN MESYUARAT LEPAS | KERTAS 1
[2.1: MKSP QMS KALI KE-4]

BIL	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB /TINDAKAN	STATUS PELAKSANAAN/PENCAPAIAN
				<p>Development Sdn Bhd bagi membincangkan jadual penyelenggaraan Kolej B.O.T berkenaan notis keingkaraan supaya memulihkan keingkar di bawah perjanjian bertarikh 29 Julai 1998 telah diadakan pada 11 Mac 2015.</p> <p><u>Maklumbalas PPUU:</u></p> <p>(a) UPM telah memajukan satu Notis Keingkar pada 5 November 2014 kepada PJSD supaya syarikat tersebut melaksanakan tanggungjawab penyelenggaraan sepertimana yang telah diperuntukkan dalam Perjanjian Penswastaan. Syarikat melalui suratnya bertarikh 28 November 2014 telah memohon untuk berbincang dan suatu Pertemuan Khas Tanpa Prasangka telah diadakan pada 22 Januari 2015. Kedua-dua pihak bersetuju Syarikat hendaklah menyediakan cadangan Jadual Penyelenggaraan dalam tempoh dua minggu dari tarikh mesyuarat yang akan disemak oleh UPM dan sekiranya dipersetujui kedua-dua pihak, PJSD akan membuat penyelenggaraan berdasarkan Jadual Penyelenggaraan tersebut. Sekiranya PJSD masih gagal menyelesaikan keingkar, UPM mempunyai hak untuk menamatkan kontrak.</p>

TINDAKAN SUSULAN MESYUARAT LEPAS | KERTAS 1
[2.1: MKSP QMS KALI KE-4]

BIL	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB /TINDAKAN	STATUS PELAKSANAAN/PENCAPAIAN
				<p>(b) UPM mengeluarkan Notis bertarikh 4 Februari 2015 apabila PJSD masih belum mengemukakan cadangan Jadual Penyelenggaraan. PJSD telah mengemukakan cadangan Jadual Penyelenggaraan pada 16 Februari 2015. Susulan itu, suatu Pertemuan Khas Tanpa Prasangka kali kedua telah diadakan pada 11 Mac 2015 bagi membincangkan dan menyemak Jadual Penyelenggaraan. UPM telah mengemukakan cadangan balas kepada syarikat untuk menyempurnakan keseluruhan penyelenggaraan sebelum 1 September 2015. Hasil perbincangan daripada Pertemuan Khas Tanpa Prasangka kali kedua tersebut, kedua-dua pihak tidak dapat mencapai persetujuan dan persefahaman mengenai cadangan Jadual Penyelenggaraan dan dengan itu tidak mencapai persetujuan bagaimana keingkarannya seperti yang disebut dalam Notis bertarikh 5 November 2014 dapat dipulihkan.</p> <p>(c) PPUU telah mengemukakan kertas pertimbangan kepada Jawatankuasa Pengurusan Universiti untuk memberi nasihatannya kepada Naib Canselor sama ada Notis Keingkarannya bertarikh 5 November 2014 yang telah dikeluarkan oleh PPUU</p>

TINDAKAN SUSULAN MESYUARAT LEPAS | KERTAS 1
[2.1: MKSP QMS KALI KE-4]

BIL	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB /TINDAKAN	STATUS PELAKSANAAN/PENCAPAIAN
				diteruskan atau tidak. Kertas tersebut dibincangkan di dalam agenda Mesyuarat JPU pada 8 April 2015, dan PPUU belum menerima keputusan mesyuarat.
2.	4.2.2	(b) Isu bahan kimia luput, bahan kimia yang dibuka tidak dicatatkan, markah yang tidak sama antara Sistem Maklumat Pelajar (SMP) dan data mentah serta alat tentukuran. Mesyuarat meminta semua Pusat tanggungjawab (PTJ) mengambil perhatian berkenaan isu ini. Mesyuarat melaporkan tindakan yang diambil oleh Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul (FBSB) dan Institut Biosains (IBS) iaitu: i. meningkatkan pemantauan makmal dengan mengemaskini bahan kimia, memberi peringatan dalam mesyuarat Fakulti mengenai markah pelajar, dan mengemaskini dan mengaktif semula Jawatankuasa Tentukur; dan ii. memberi peringatan kepada semua staf makmal yang mengurus dan mengguna bahan kimia.	Semua PTJ berkaitan kecuali FBSB dan IBS	<p><u>Maklum balas PTJ berkaitan kecuali FBSB dan IBS*:</u> (* FBSB dan IBS telah melaporkan tindakan yang dibuat pada mesyuarat lepas)</p> <p><u>Maklum balas PTJ (FPP) :</u></p> <ul style="list-style-type: none"> i. Tiada penggunaan bahan kimia di Fakulti Pengajian Pendidikan. ii. Berkaitan markah tidak sama antara Sistem Maklumat Pelajar (SMP) Pejabat Timbalan Dekan (Akademik) fakulti mengeluarkan surat kepada semua pensyarah supaya memastikan markah yang dimasukkan ke dalam SMP adalah sama dan Ketua Jabatan akan membuat pemantauan agar perkara tersebut tidak berlaku. <p><u>Maklum balas dari FPV</u></p> <ul style="list-style-type: none"> i. Meningkatkan pemantauan makmal dengan mengemaskini bahan kimia serta memberi peringatan kepada semua staf makmal yang mengurus dan menggunakan bahan kimia. ii. Memberi peringatan dalam mesyuarat Fakulti mengenai markah pelajar.

TINDAKAN SUSULAN MESYUARAT LEPAS | KERTAS 1
[2.1: MKSP QMS KALI KE-4]

BIL	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB /TINDAKAN	STATUS PELAKSANAAN/PENCAPAIAN
				<p><u>Maklum balas dari Fakulti Sains</u></p> <p>a) Fakulti Sains telah melaksanakan beberapa siri bengkel, perjumpaan dan gotong-royong dalam meningkatkan kesedaran pegawai dalam menangani isu berkaitan pengurusan bahan kimia dan pemantapan pengurusan makmal iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Bengkel Pemantapan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Fakulti Sains pada 22&23 Januari 2014. ii. Perbincangan berkaitan Pengurusan Bahan Kimia pada 14 Ogos 2014. iii. Bengkel Penilaian Senarai Semak Pemeriksaan Pengurusan dan Keselamatan Makmal SS02 pada 2 September 2014. <p>b) Bagi isu kemasukan markah pelajar didalam SMP, para pensyarah telah diberi peringatan semasa Mesyuarat Fakulti.</p> <p>c) Struktur Jawatankuasa Tentukur peringkat Fakulti telah dikemaskini dan diaktifkan semula dengan turut melantik Timbalan Dekan Penyelidikan dan juga Pegawai Sains daripada setiap jabatan sebagai ahli jawatankuasa tersebut.</p>

TINDAKAN SUSULAN MESYUARAT LEPAS | KERTAS 1
[2.1: MKSP QMS KALI KE-4]

BIL	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB /TINDAKAN	STATUS PELAKSANAAN/PENCAPAIAN
				<p><u>Maklum balas dari FPAS</u> Pemantauan makmal di FPAS telah ditingkatkan dan Jawatankuasa tentukur FPAS sememangnya aktif.</p> <p>Semua staf makmal telah diberi kursus berkaitan pengendalian bahan kimia di dalam kursus Bulan Budaya Sistem Pengurusan Kualiti (MS ISO 9001:2008) Peringkat Makmal FPAS 2014 bermula 5 Mei 2014 hingga 27 Jun 2014.</p> <p><u>Maklum balas dari Fakulti Pertanian</u> (a) Mengadakan Taklimat Pengurusan Bahan Kimia kepada staf makmal pada 19 November 2014. (b) Mengaktifkan Jawatankuasa Tentukur Fakulti Pertanian.</p> <p><u>Maklum balas dari Fakulti Kejuruteraan</u> (a) Pemantauan berkaitan bahan kimia dilaksanakan melalui Pemeriksaan Pengurusan dan Keselamatan Makmal (SS02) setiap sukuan tahun. Taklimat berkaitan skop Pengurusan Keselamatan Makmal & Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja kepada pegawai makmal telah diadakan pada 11 September 2014. (b) Isu berkaitan pemarkahan dalam SMP tidak sama dengan data mentah telah dibincangkan dalam mesyuarat</p>

TINDAKAN SUSULAN MESYUARAT LEPAS | KERTAS 1
[2.1: MKSP QMS KALI KE-4]

BIL	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB /TINDAKAN	STATUS PELAKSANAAN/PENCAPAIAN
				<p>pengurusan Fakulti dan taklimat kepada pensyarah juga telah diadakan berkaitan perkara ini. Pemantauan akan dilakukan melalui semakan sendiri pada akhir semester.</p> <p>(c) Senarai peralatan yang perlu ditentukan dipertanggungjawabkan kepada Jawatankuasa Tentukur Fakulti. Bagi Tahun 2014, permohonan peruntukan untuk melaksanakan penentukuran telah diluluskan oleh Pejabat TNCPI.</p> <p><u>Maklum balas dari FRSB</u></p> <p>(a) memberi peringatan kepada Penolong Pegawai Pertanian yang bertanggungjawab mengurus dan menyelenggara setor racun makhluk perosak.</p> <p>(b) Bagi markah pelajar, peringatan akan dibuat semasa Mesyuarat Fakulti.</p> <p>(c) Mengemaskini data mentah dan alat tentukuran</p> <p><u>Maklum balas dari ITMA</u></p> <p>Telah dibincangkan dalam Mesyuarat Pengurusan ITMA Bil 178 pada 24 Oktober 2014 dan bersetuju:</p> <p>(a) Ketua Laboratori membuat pemantauan lebih kerap alat yang perlu ditentukan dan bahan kimia;</p> <p>(b) Membuat hebahan/peringatan melalui emel kepada semua staf dan menyelidik mengenai pelupusan bahan</p>

TINDAKAN SUSULAN MESYUARAT LEPAS | KERTAS 1
[2.1: MKSP QMS KALI KE-4]

BIL	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB /TINDAKAN	STATUS PELAKSANAAN/PENCAPAIAN
				<p>kimia;</p> <p>(c) JKPP akan membantu membuat pemantau dan dibincangkan dalam mesyuarat JKPP.</p> <p><u>Maklum balas dari UPMKB</u></p> <p>(a) Meningkatkan pemantauan di makmal oleh Penyelaras Makmal dan Ketua Jabatan.</p> <p>(b) Kursus awareness oleh Jabatan Alam Sekitar Bintulu kepada semua Pembantu Makmal dan Penolong Pegawai Sains FSPM, UPMKB.</p> <p>(c) Memberi peringatan mengenai markah pelajar dalam Mesyuarat Jabatan dan Mesyuarat Fakulti.</p> <p><u>Maklum balas dari ITA:</u></p> <p>(a) Meningkatkan pemantauan makmal dengan mengemaskini senarai bahan kimia setiap bulan;</p> <p>(b) memberi taklimat kepada pelajar, staf dan penyelidik meliputi pengurusan makmal, keselamatan makmal dan penggunaan bahan kimia pada 27 Jun 2014; dan</p> <p>(c) memberi peringatan kepada semua staf makmal yang mengurus dan menggunakan bahan kimia.</p> <p><u>Maklum balas dari FSTM</u></p> <p>Telah dibawa ke JK Pengurusan Fakulti Bil. 9/2014 pada 1 Oktober dan meminta Ketua Jabatan mengambil perhatian</p>

TINDAKAN SUSULAN MESYUARAT LEPAS | KERTAS 1
[2.1: MKSP QMS KALI KE-4]

BIL	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB /TINDAKAN	STATUS PELAKSANAAN/PENCAPAIAN
				sewajarnya berkaitan isu-isu tersebut.
3.	4.2.5	<p>daripada minit 3.4.2 (c) iii – Laporan Kajian Kepuasan Pelanggan: Tindakan telah dilaksana untuk meningkatkan jumlah responden bagi skop prasiwazah iaitu:</p> <p>(d) merancang untuk menghantar kajian kepuasan pelanggan melalui emel kumpulan (group email) mengikut fakulti atau program bergantung kepada kesediaan pihak Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi (iDEC). Mesyuarat mengambil perhatian tindakan membangunkan kumpulan emel ini dijangka selesai pada semester Ke-2 sesi 2013/2014)</p>	TWP Prasiswazah dan iDEC	<p><u>Maklum balas TWP Prasiswazah:</u> Permohonan membangunkan emel kumpulan kepada pihak iDEC telah dimajukan pada 24 September 2013 lagi. Beberapa susulan telah dilaksanakan sehingga yang terkini pada 24 & 25 September 2014. Pihak iDEC tidak dapat membangunkan kumpulan emel berkenaan antara tempoh Oktober 2013 September 2014 kerana pelbagai kekangan yang ada termasuk ketidakstabilan versi emel diubahsuai daripada @putra kepada @upm. Namun, berdasarkan susulan terkini pada 29 September 2014, pihak iDEC dimaklumkan telah bersedia untuk mewujudkan kumpulan emel berkenaan bergantung kepada beberapa keperluan maklumat yang perlu dibekalkan oleh pihak Bahagian Kemasukan (BK) dan Bahagian Urus Tadbir Akademik (BAKD) (Nama lama dikenali sebagai Bahagian Akademik). Oleh demikian, BK & BAKD akan memajukan maklumat yang diperlukan dan memastikan agar kumpulan emel</p>

TINDAKAN SUSULAN MESYUARAT LEPAS | KERTAS 1
[2.1: MKSP QMS KALI KE-4]

BIL	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB /TINDAKAN	STATUS PELAKSANAAN/PENCAPAIAN
				<p>berkenaan dapat diwujudkan sebelum tahun 2014 berakhir untuk memudahkan urusan edaran Kepuasan Pelanggan bagi Proses Utama Prasiswazah tahun 2015 dan seterusnya.</p> <p>Perkembangan terkini, pihak iDEC boleh membangunkan hanya dua emel kumpulan (group email) seperti berikut, yang dijangka boleh diguna pakai selewat-lewatnya pada 15 Mei 2015.</p> <p>a) upm_akademik@upm.edu.my; dan b) upm_nonakademik@upm.edu.my</p> <p>Semua pihak yang terlibat dalam Kajian Kepuasan Pelanggan boleh menggunakan emel berkenaan untuk tujuan edaran soal selidik kepuasan pelanggan mengikut proses.</p> <p><u>Maklum balas iDEC:</u> Kajian kepuasan pelanggan iDEC dilakukan secara berkala setiap suku tahun.</p> <p>Untuk tahun 2013 dan suku tahun pertama 2014, kaedah kertas dan promosi secara interaksi telah mendapat maklum balas masing-masing sebanyak 750 dan 450.</p> <p>Untuk suku tahun kedua, promosi</p>

TINDAKAN SUSULAN MESYUARAT LEPAS | KERTAS 1
[2.1: MKSP QMS KALI KE-4]

BIL	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB /TINDAKAN	STATUS PELAKSANAAN/PENCAPAIAN
				<p>dilakukan menggunakan kaedah digital melalui hebahan kepada warga kampus dan hanya 33 orang yang menjawab soal selidik tersebut. Ini mungkin berlaku kerana tiada unsur gesaan apabila menggunakan hebahan digital</p> <p>Kaedah menggunakan hebahan elektronik didapati kurang berkesan dimana responden didapati hanya akan menjawab sekiranya diminta secara berhadapan dan menggunakan kaedah kertas.</p> <p>Terdapat kekangan untuk melaksanakan email group pelajar pra dan pasca siswazah. Dicadangkan semua hebahan pelajar dilakukan melalui portal pelajar (SMP dan iGIMS)</p>
4.	4.2.6	<p>daripada minit 3.4.2 (e) i. – Kajian Kepuasan Pelanggan: Tindakan telah dilaksana untuk meningkatkan peratus pencapaian kualiti perkhidmatan proses prasiswazah iaitu:</p> <p>(b) mengemaskini Buku Perkara Akademik Kaedah UPM, Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, Perlembagaan UPM 2003 dan pindaan 2005 kepada versi 2013 agar peraturan akademik lebih jelas dan mudah difahami. Mesyuarat mengambil perhatian buku berkenaan dijangka akan dihasilkan pada Semester Pertama 2014/2015 manakala perancangan pada semester seterusnya menerbitkan buku berkenaan dalam bentuk on-line atau Apps yang boleh diguna di dalam Smartphone, bergantung kepada peruntukan yang diluluskan.</p>	Bahagian Akademik	<p><u>Maklum balas Bahagian Akademik:</u> Kaedah Universiti Putra Malaysia (Perkara Akademik Prasiswazah) 2014 dan Kaedah Universiti Putra Malaysia (Program Pengajian Tanpa Ijazah) 2014 telah dikemaskini dan dimurnikan melalui pelbagai bengkel, perbincangan dan mesyuarat sepanjang Ogos 2013 hingga Ogos 2014. Ia telah diperakui oleh Senat melalui mesyuaratnya yang ke-596 pada 22 Ogos 2014 untuk dikemukakan kepada Lembaga Pengarah Universiti (LPU).</p>

TINDAKAN SUSULAN MESYUARAT LEPAS | KERTAS 1
[2.1: MKSP QMS KALI KE-4]

BIL	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB /TINDAKAN	STATUS PELAKSANAAN/PENCAPAIAN
				<p>Perancangan menerbitkan Perkara Akademik berkenaan dalam bentuk on-line akan dilaksanakan secara berperingkat bergantung kepada peruntukan diluluskan.</p> <p>Sebagai permulaan, pihak BKAD merancang untuk menerbitkannya dalam bentuk flip book yang boleh diakses melalui web atau SMP kerana kos yang lebih rendah berbanding dengan pembangunan Apps. Pembangunan akan dilaksanakan sebaik sahaja perkara akademik berkenaan disahkan oleh LPU.</p> <p>Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 Perlembagaan Universiti Putra Malaysia KAEDAH UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (PERKARA AKADEMIK PRASISWAZAH) 2014 dan Pembangunan kaedah baharu iaitu KAEDAH UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (PROGRAM PENGAJIAN TNAPA IJAZAH) 2014 boleh di capai/di akses dan dimuat turun dalam bentuk 3 mod iaitu flip book untuk komputer, flip book untuk mobile atau PDF untuk komputer dan mobile melalui link berikut http://www.akademik.upm.edu.my/ebookakd#ebookakd</p>

TINDAKAN SUSULAN MESYUARAT LEPAS | KERTAS 1
[2.1: MKSP QMS KALI KE-4]

BIL	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB /TINDAKAN	STATUS PELAKSANAAN/PENCAPAIAN
5.	4.26	(c) membangunkan beberapa modul dalam Sistem Maklumat Pelajar (SMP) Fasa 2 dengan kerjasama Pejabat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi (iDEC). Mesyuarat mengambil perhatian modul ini dijangka akan dilancarkan pada Semester 2 sesi 2013/2014.	Bahagian Akademik dan iDEC	<p><u>Maklum balas Bahagian Akademik:</u> 16 daripada 21 Modul fasa ke-2 telah siap sepenuhnya dan boleh digunakan secara berperingkat mulai Semester Pertama 2013/2014 lagi. 5 daripada 21 modul ditangguhkan penggunaannya kerana perubahan keperluan semasa iaitu Modul Latihan Industri, Pencalonan Hadiah Universiti, Tempahan Dewan Kuliah, Penginapan dan Aktiviti Pelajar. Pembangunan ditangguhkan kerana implimentasi proses semasa atau terkini/baharu adalah berbeza dengan implementasi semasa permohonan. Hanya akan diteruskan apabila proses berkaitan ditambahbaik dengan mengambil kira keperluan dan perubahan semasa.</p> <p><u>Maklum balas iDEC:</u> 16 Modul telah ditambahbaik, 2 Modul mula digunakan pada 26 September 2014 manakala 2 lagi Modul sedia untuk diberi latihan kepada pengguna.</p>
6.	4.2.7	daripada minit 3.4.2 (e) ii. – Kajian Kepuasan Pelanggan: Pihak pengurusan Sekolah Pengajian Siswazah (SPS) telah meneliti hasil kajian yang tidak mencapai sasaran Kualiti Perkhidmatan yang telah ditetapkan sebanyak 70% dan berikut tindakan yang telah dilaksanakan, iaitu:		

TINDAKAN SUSULAN MESYUARAT LEPAS | KERTAS 1
[2.1: MKSP QMS KALI KE-4]

BIL	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB /TINDAKAN	STATUS PELAKSANAAN/PENCAPAIAN
		(c) membuat cadangan pindaan ke atas soalan pertama pada soal selidik tersebut supaya lebih spesifik dan jelas bagi mengelakkan berlakunya kelemahan yang sama dalam proses penilaian.	TWP Sekolah Pengajian Siswazah	<u>Maklum balas TWP Sekolah Pengajian Siswazah:</u> Cadangan pindaan telah dimajukan ke Pejabat Naib Canselor pada 7 Julai 2014 dan masih belum dilaksanakan ke dalam Sistem Kaji Selidik Online.
7.	4.2.14	daripada minit 3.6.3 (e) – Perubahan yang Memberi Kesan kepada Sistem Pengurusan Kualiti: Mesyuarat mengambil perhatian kertas cadangan bagi memasang palang elektronik di sekitar kampus perlu dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU) untuk mendapat kelulusan. Penambahbaikan yang dicadangkan ini bagi mengwujudkan sistem keselamatan yang lebih berkesan dan selamat.	Bahagian Keselamatan	<u>Maklum balas Bahagian Keselamatan</u> (a) JPU telah meluluskan kertas cadangan tersebut di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti ke-468 bertarikh 27 Disember 2012 pada minit 468.03(c). (b) Pemasangan CCTV telah dilaksanakan melalui dua fasa iaitu: - Fasa 1 : sebanyak 5 unit CCTV telah dipasang dengan kos sewaan RM 50,000.00 selama setahun. - Fasa 2 : sebanyak 22 unit CCTV telah dipasang dengan kos sewaan RM 96,600.00 selama setahun. (c) Pemasangan CCTV di Kampus Bintulu juga telah dilaksanakan dalam Fasa 1 iaitu sebanyak 7 unit CCTV dengan kos sewaan RM 50,000 selama setahun. (d) Telah dibentangkan dalam Permohonan Projek Rancangan Malaysia Ke Sebelas (RMKE-11), 2016-2020 UPM pada 9 September 2014.

BIL	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB /TINDAKAN	STATUS PELAKSANAAN/PENCAPAIAN
8.	4.3.2	<p>Audit Dalaman 2014</p> <p>(d) mengambil perhatian terhadap sebelas (11) kelemahan/cadangan hasil daripada penemuan audit yang dilapor oleh Ketua Juruaudit Dalaman UPM iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Sistem Pengurusan Kualiti masih mengguna pakai borang yang banyak; ii. pemantauan pelaksanaan amalan kualiti tidak selaras antara Pusat Tanggungjawab; iii. pemahaman menjalankan analisis data perlu ditingkatkan; iv. simpanan rekod fizikal masih banyak; v. penyelenggaraan rekod kualiti tidak serius; vi. budaya kualiti perlu dipertingkatkan; vii. kurang komitmen pensyarah dalam pengurusan pengajaran dan pembelajaran; viii. banyak ketakakuran dalam fail kursus; ix. matlamat baharu perlu diintegrasikan dalam pelan fungsian dan aras; x. keperluan pengurusan risiko; dan xi. Pengurusan Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di peringkat peneraju dan PTJ perlu dipertingkatkan. 	Ketua PTJ dan TWP	<p><u>Maklum balas Ketua PTJ dan TWP*</u> (Nyatakan tindakan yang dibuat diperingkat PTJ masing-masing bagi penemuan yang berkaitan)</p> <p>Tindakan yang diambil oleh Urus Setia Proses Prasiswazah (PS) adalah seperti berikut:</p> <p>(a) Melaksanakan tindakan mengikut pihak bertanggung jawab melalui penelitian dan persetujuan yang dicapai bersama dengan PTJ lain melalui Mesyuarat Semakan Keberkesanan Proses Perkhidmatan Utama Prasiswazah (MSKP PS) yang dilaksanakan satu semester sekali dan beberapa bengkel SPK PS;</p> <p>(b) Penambahbaikan & Pemurnian DOKUMEN SPK PROSES UTAMA PRASISWAZAH (Cadangan Pindaan Dokumen) – Dokumen baharu yang telah ditambah baik dan dikemaskini telah dikuatkuasa pada 11 Ogos 2014;</p> <p>(c) Penambahbaikan Kaedah UPM (Perkara Akademik) 2013 dinamakan sebagai KAEDAH UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (PERKARA AKADEMIK) 2014 dan KAEDAH BAHARU - KAEDAH UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (PROGRAM PENGAJIAN TANPA IJAZAH) 2014;</p>

TINDAKAN SUSULAN MESYUARAT LEPAS | KERTAS 1
[2.1: MKSP QMS KALI KE-4]

BIL	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB /TINDAKAN	STATUS PELAKSANAAN/PENCAPAIAN
				<p>(d) Mengenal pasti isu dan permasalahan SMP MELALUI FOCUS GROUP DISCUSSION untuk penambahbaikan SMP;</p> <p>(e) Perpindahan URUSAN LATIHAN INDUSTRI (LI) daripada Pejabat Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat) (JIMN) kepada Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa);</p> <p>(f) Mengenal pasti isu dan permasalahan SMP MELALUI FOCUS GROUP DISCUSSION untuk penambahbaikan SMP.</p> <p><u>Maklum balas dari FPV</u></p> <p>(a) Fakulti Perubatan Veterinar telah melantik Jawatankuasa Kerja Pemantauan Dokumentasi SPK dan telah mengadakan minggu pemantauan dokumentasi FPV mulai 11 – 15 Ogos 2014 bagi menyemak dan memastikan kecukupan dokumen/rekod kualiti Fakulti.</p> <p>(b) Fakulti telah memberi taklimat SPK kepada pensyarah dan Setiausaha Jabatan pada 21 Ogos 2014.</p> <p>(c) Setiausaha Jabatan akan memastikan dokumentasi lengkap di jabatan masing-masing.</p>

TINDAKAN SUSULAN MESYUARAT LEPAS | KERTAS 1
[2.1: MKSP QMS KALI KE-4]

BIL	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB /TINDAKAN	STATUS PELAKSANAAN/PENCAPAIAN
				<p><u>Maklum balas dari IBS</u> Institut Biosains telah mengadakan kursus KIK dan pelaksanaan Amalan 5S sebagai penerapan kualiti dalam kerja seharian bagi meningkatkan kualiti kerja. Amalan 5S berupaya memperkukuhkan lagi Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) MS ISO 9001, Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS) MS ISO 14001 dan Akreditasi Makmal MS ISO/IEC 17025 di Institut Biosains khususnya dalam memenuhi keperluan klausa Pengurusan Sumber berkaitan Persekitaran Kerja. Pelaksanaan Amalan 5S yang cekap, berkesan dan konsisten akan memberi nilai tambah kepada imej berkualiti di Institut Biosains dan UPM secara keseluruhannya.</p> <p><u>Maklum balas dari Fakulti Sains</u> Makluman berkaitan cadangan audit (yang mana berkaitan di Fakulti) telah dipanjangkan kepada semua Ketua Jabatan dan juga Timbalan-timbalan Dekan melalui surat.</p> <p><u>Maklum balas dari FPAS</u> FPAS mengambil maklum dapatan audit dalaman 2014. Perkara perkara ini dimaklumkan beberapa kali secara lisan di dalam mesyuarat pengurusan Fakulti tahun 2014.</p> <p><u>Maklum balas dari Fakulti Pertanian</u> (a) Pemantauan log/borang Sistem</p>

TINDAKAN SUSULAN MESYUARAT LEPAS | KERTAS 1
[2.1: MKSP QMS KALI KE-4]

BIL	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB /TINDAKAN	STATUS PELAKSANAAN/PENCAPAIAN
				<p>Pengurusan Kualiti dilakukan di setiap Jabatan dan hebahan kepada staf Fakulti dilakukan sekiranya terdapat perubahan dokumen.</p> <p>(b) Peringatan dari semasa ke semasa dan menyusun atur pemantauan bagi memastikan amalan kualiti yang digunapakai adalah selaras dengan Sistem Pengurusan Kualiti yang telah ditetapkan.</p> <p>(c) Penyediaan pemantauan, analisis dan rekod dipertingkatkan.</p> <p><u>Maklum balas dari Fakulti</u> <u>Kejuruteraan</u></p> <p>(a) Penggunaan borang berdasarkan keperluan yang dinyatakan dalam prosedur SPK.</p> <p>(b) Pemantauan dilaksanakan melalui semakan/audit sendiri di setiap bahagian/jabatan.</p> <p>(c) Bengkel Pengenalan kepada SPSS telah diadakan pada 21 September 2014 kepada staf pentadbiran untuk membantu penyediaan analisis data.</p> <p>(d) Simpanan rekod fizikal di FK adalah sepertimana keperluan rekod kualiti.</p> <p>(e) Pemantauan terhadap penyimpanan dan penyelenggaraan rekod kualiti dilaksanakan melalui semakan/audit sendiri.</p> <p>(f) Fakulti sentiasa menganjurkan Taklimat Pemahaman Prosedur SPK bagi meningkatkan budaya kualiti</p>

TINDAKAN SUSULAN MESYUARAT LEPAS | KERTAS 1
[2.1: MKSP QMS KALI KE-4]

BIL	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB /TINDAKAN	STATUS PELAKSANAAN/PENCAPAIAN
				<p>dikalangan staf. Terkini taklimat kepada pegawai teknikal berkaitan prosedur OSH, LAB, JKKP pada 11 September 2014.</p> <p>(g) Pensyarah FK sentiasa memberi komitmen dalam pengurusan aktiviti pengajaran dan pembelajaran.</p> <p>(h) Pemantauan terhadap fail kursus dilaksanakan melalui semakan/audit sendiri. Emel/surat peringatan akan dihantar pada setiap awal semester kepada semua pensyarah yang disertakan dengan senarai semak rekod yang diperlukan untuk fail kursus.</p> <p>(i) Matlamat baharu turut dipantau melalui Pengukuran KPI Fakulti (PSSUPPP).</p> <p>(j) Pengurusan Risiko dilaksana dan dipantau oleh JKKP FK (HIRARC).</p> <p>(k) Struktur organisasi dan fungsi JKKP FK telah disemak dan dikemaskini semula pada tahun 2014. Pemantauan aktiviti JKKP FK dilaksanakan dengan lebih kerap oleh Dekan Fakulti dan dilaporkan dalam Mesyuarat Pengurusan.</p> <p><u>Maklum balas dari TNCAA</u></p> <p>(g) Melaksanakan tindakan mengikut pihak bertanggung jawab melalui penelitian dan persetujuan yang dicapai bersama dengan PTJ lain melalui Mesyuarat Semakan</p>

TINDAKAN SUSULAN MESYUARAT LEPAS | KERTAS 1
[2.1: MKSP QMS KALI KE-4]

BIL	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB /TINDAKAN	STATUS PELAKSANAAN/PENCAPAIAN
				<p>Keberkesanan Proses Perkhidmatan Utama Prasiswazah (MSKP PS) yang dilaksanakan satu semester sekali dan beberapa bengkel SPK PS;</p> <p>(h) Penambahbaikan & Pemurnian dokumen SPK proses utama Prasiswazah (Cadangan Pindaan Dokumen) – Dokumen baharu yang telah ditambah baik dan dikemaskini telah dikuatkuasa pada 11 Ogos 2014;</p> <p>(i) Penambahbaikan Kaedah UPM (Perkara Akademik) 2013 dinamakan sebagai Kaedah Universiti Putra Malaysia (Perkara Akademik) 2014 dan Kaedah Baharu - Kaedah Universiti Putra Malaysia (Program Pengajian Tanpa Ijazah) 2014;</p> <p>(j) Mengenal pasti isu dan permasalahan SMP melalui focus group discussion untuk penambahbaikan SMP;</p> <p>(k) Perpindahan urusan latihan industri (LI) daripada Pejabat Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat) (JINM) kepada Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa);</p> <p>(l) Mengenal pasti isu dan permasalahan SMP melalui focus group discussion untuk penambahbaikan SMP.</p> <p><u>Maklum balas dari TNCHEPA</u> Pejabat Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni telah diambil tindakan dalam Mesyuarat Semakan Keberkesanan</p>

TINDAKAN SUSULAN MESYUARAT LEPAS | KERTAS 1
[2.1: MKSP QMS KALI KE-4]

BIL	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB /TINDAKAN	STATUS PELAKSANAAN/PENCAPAIAN
				<p>Proses Bil 3/2014 pada 25 Sept 2014</p> <p><u>Maklum balas dari FRSB</u> Mengadakan latihan/kursus dan peringatan berterusan dari pihak Pengurusan.</p> <p><u>Maklum balas dari PSAS</u></p> <ul style="list-style-type: none"> (a) Baucer pembayaran bahan perpustakaan berkurangan dari 4 salinan kepada 2 salinan. (b) Pengurangan bilangan borang kualiti dari 61 (2011) kepada 58 (2014)(pengurangan 4.92%) dan pengurangan bilangan log kualiti dari 79 (2011) kepada 74 (2014) (pengurangan 6.33%). (c) Menukar format borang kualiti daripada bercetak kepada atas talian. (d) Mematuhi prosedur yang ditetapkan (e) Memerlukan latihan berpusat untuk tingkatkan kefahaman menjalankan analisis data (f) Telah menukar format borang bercetak kepada atas talian sebanyak 15 borang dan 2 borang dalam proses penukaran format (g) Rekod kualiti yang telah tamat tempoh simpanan dihantar ke Bahagian Arkib PSAS secara berkala untuk pelupusan (h) Rekod sentiasa diselenggara dengan baik (i) Pencapaian kualiti dimaklumkan

TINDAKAN SUSULAN MESYUARAT LEPAS | KERTAS 1
[2.1: MKSP QMS KALI KE-4]

BIL	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB /TINDAKAN	STATUS PELAKSANAAN/PENCAPAIAN
				<p>kepada semua staf semasa Perutusan Tahun Baharu Ketua Pustakawan.</p> <p>(j) Score board pencapaian dipamerkan di setiap Bahagian.</p> <p>(k) Taklimat diberikan kepada staf baharu.</p> <p>(l) Matlamat baharu telah diintegrasikan dalam pelan fungsian dan aras/KPI Perpustakaan</p> <ul style="list-style-type: none"> - UPM IR - AGRIS (Maklumat Pertanian Malaysia) - Peningkatan koleksi 2% <p>(m) Dokumen pengurusan risiko telah dibangunkan dan dihantar ke OSH UPM pada tahun 2013.</p> <p>(n) Dalam Audit Dalam OSH terkini, Perpustakaan memperolehi markah 90%</p> <p>(o) Perpustakaan telah menerima Anugerah Tempat Kerja Selamat Kategori JKKP – PTJ Paling Aktif 2013.</p> <p><u>Maklum balas dari UPMKB</u></p> <p>(a) Pemantauan Fail Kursus pada minggu ke8-9, 13-15 dan 18-20.</p> <p>(b) Semakan sendiri secara berkala oleh pasukan auditor PTJ yang diketuai oleh TPAD.</p> <p>(c) Penggunaan e-fail sudah mula digunakan dalam Mesyuarat Pengurusan PTJ dan Mesyuarat</p>

TINDAKAN SUSULAN MESYUARAT LEPAS | KERTAS 1
[2.1: MKSP QMS KALI KE-4]

BIL	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB /TINDAKAN	STATUS PELAKSANAAN/PENCAPAIAN
				<p>Fakulti.</p> <p><u>Maklum balas dari ITA</u> memberi peringatan kepada semua staf berkenaan perubahan dokumen berkaitan kualiti dari masa ke semasa.</p> <p><u>Maklum balas dari FBSB</u> (a) Menggunakan sistem borang dalam talian. (b) Adakan kursus penganalisan data. (c) Laksanakan pelupusan rekod mengikut tempoh yang ditetapkan. (d) Tingkatkan kesedaran staf di PTJ berkenaan (e) Pemantauan dan pengurusan fail kursus dibuat oleh PTPTO jabatan bagi memastikan kecukupan dan keseragaman rekod.</p> <p><u>Maklum balas dari FSTM</u> Telah dibawa ke JKPF Bil.9 pada 1 Oktober 2014 & meminta KJ mengambil perhatian sewajarnya berkaitan isu-isu berbangkit.</p> <p><u>Maklum balas dari FEP</u> (a) FEP telah mewujudkan fail kursus pendua untuk pensyarah. Fail utama diletakkan di Bilik Fail, manakala fail pendua diletakkan di bilik pensyarah. Ia bertujuan supaya pensyarah terus memasukkan dokumen yang</p>

TINDAKAN SUSULAN MESYUARAT LEPAS | KERTAS 1
[2.1: MKSP QMS KALI KE-4]

BIL	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB /TINDAKAN	STATUS PELAKSANAAN/PENCAPAIAN
				<p>berkaitan selepas setiap kuliah.</p> <p>(b) FEP melaksanakan Gerak Gempur untuk melengkapkan fail kursus. Staf yang tidak melengkapkan fail kursus dipanggil ke satu perjumpaan dan mereka dikehendaki melengkapkan fail kursus mereka pada hari yang sama.</p> <p>(c) FEP juga melaksanakan audit sendiri sebelum audit dalaman UPM dilaksanakan.</p> <p>(d) FEP dalam proses pelaksanaan Amalan 5S bagi memastikan kualiti kerja dapat ditingkatkan. FEP telah melaksanakan kesemua langkah 5S dan telah menjalankan audit dalaman 5S.</p> <p>(e) FEP telah mewujudkan papan informasi berpusat untuk pelajar prasiswazah, siswazah, jaringan dan industri, program mobiliti dan kelab pelajar supaya maklumat dapat disampaikan dengan lebih berkesan.</p>

BIL	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB /TINDAKAN	STATUS PELAKSANAAN/PENCAPAIAN
9.	4.3.2	<p>(e) mengambil perhatian cadangan perluasan skop bagi Sistem Pengurusan Kualiti iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Putra Science Park - Pengurusan pengkomersialan, urusan perjanjian pengkomersialan term sheet antara Putra Science Park dan Pejabat Penasihat Undang-Undang, dan pengurusan pelawat; ii. Bahagian Antarabangsa - Proses pengurusan visa; dan iii. Pusat Kesihatan Universiti - Proses rawatan perubatan dan pergigian. 	<p>Pengarah Putra Sains Park, Ketua PKU, TWP TNC PI, TWP TNC AA, TWP PKU</p>	<p>i. <u>Maklum balas Pengarah Putra Sains Park dan TWP TNC PI</u></p> <ul style="list-style-type: none"> (a) Pengurusan Pengkomersialan PSP sedang dalam proses perbincangan untuk mengemaskini prosedur dan garis panduan penyelidikan dan inovasi untuk skop pengkomersialan. Bengkel Semakan Dokumen akan diadakan pada Mei 2015. (b) Pengurusan pelawat Bagi pengurusan pelawat (eDUPARK), PSP merasakan ianya masih belum sesuai lagi untuk dimasukkan ke dalam Sistem Pengurusan Kualiti kerana proses pengurusan ini masih lagi di peringkat pembangunan dan penambahbaikan. <p>ii. <u>Maklum balas TWP TNC AA</u> Bahagian Antarabangsa telahpun memulakan aktiviti membangunkan prosedur pengurusan visa dan pas bagi tujuan dilaksanakan pada 2015. Selain itu, skop bagi pengurusan mobiliti turut dibangunkan.</p> <p>iii. <u>Maklum balas TWP PKU</u></p> <ul style="list-style-type: none"> (a) Penambahbaikan senantiasa dilakukan dengan mengemaskini maklumat hebahan di laman Twitter dari masa ke semasa. (b) PKU berhubung secara terus

TINDAKAN SUSULAN MESYUARAT LEPAS | KERTAS 1
[2.1: MKSP QMS KALI KE-4]

BIL	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB /TINDAKAN	STATUS PELAKSANAAN/PENCAPAIAN
				<p>dengan Pelanggan melalui Facebook PKU dan Twitter PKU yang telah diwujudkan sebelum ini serta dipantau setiap masa.</p> <p>(c) PKU turut menjediakan Buku Laporan dan diedarkan kepada setiap PTJ untuk makluman terperinci berkaitan perkhidmatan yang sedia ada di PKU kepada warga kampus.</p>
10.	4.4.2	<p>Kajian Kepuasan Pelanggan</p> <p>(c) mengambil perhatian peratus penurunan responden kajian tahun 2013 berbanding tahun 2012 iaitu sebanyak 31.50%. Mesyuarat meminta Peneraju Proses mempertingkatkan hebahan mengenai pelaksanaan kajian kepuasan pelanggan.</p>	TWP Pejabat Naib Canselor	<u>Maklum balas TWP Pejabat Naib Canselor</u>

BIL	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB /TINDAKAN	STATUS PELAKSANAAN/PENCAPAIAN
11.	4.4.2	(d) mengambil perhatian peratusan pencapaian Indeks Kepuasan Pelanggan bagi Penyelidikan dan Inovasi adalah rendah iaitu sebanyak 52.3%. Mesyuarat mendapati kategori penilaian paling rendah adalah bagi penilaian kemudahan penyelidikan iaitu sebanyak 28.35%. Mesyuarat berpandangan sebagai Universiti Penyelidikan adalah penting untuk memastikan Indeks Kepuasan Pelanggan adalah tinggi dan mencapai sasaran. Mesyuarat diberitahu Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) akan meneliti semula soalan-soalan kajian terutama yang berkaitan permohonan geran.	Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)	<u>Maklum balas TWP TNC PI</u> Permohonan pindaan soalan telah dikemukakan kepada peneraju proses Pejabat Naib Canselor (Pejabat Pemasaran dan Komunikasi) untuk pindaan. Peneraju proses telah memohon supaya semakan semula kepada soalan kerana terdapat soalan yang tidak menepati kriteria yang telah ditetapkan oleh peneraju dan terjemahan Bahasa Inggeris perlu disemak semula.
12.	4.6.1	Tindakan Pencegahan (b) mengambil perhatian punca penyebab kemungkinan berlaku ketakakuran bagi tindakan pencegahan untuk meningkatkan bilangan pelajar UPM mengikuti program outbound di luar negara adalah kurang peruntukan kewangan. Tindakan pencegahan yang diambil adalah memperuntukkan sumber kewangan yang bersesuaian.	Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)	<u>Maklum balas TWP TNC AA</u> Satu dasar mobiliti yang jelas akan dibangunkan di mana peruntukan kewangan dijadikan sebagai objektif kualiti.
13.	4.6.2	Tindakan Pembetulan (b) mengambil perhatian laporan keberkesanan tindakan pembetulan akan dilihat pada Mesyuarat Jawatankuasa ISO UPM (JKISO)	Bahagian Pengurusan Kualiti	<u>Maklum balas BPO</u> Laporan keberkesanan tindakan pembetulan telah dibentang dan dibincang semasa mesyuarat JKISO kali ke-18 pada 21 Julai 2014

BIL	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB /TINDAKAN	STATUS PELAKSANAAN/PENCAPAIAN
14.	4.7 4.7.3	<p>Perubahan yang Memberi Kesan kepada Sistem Pengurusan Kualiti</p> <p>dimaklumkan bahawa sembilan (9) perubahan yang memberi kesan kepada Sistem Pengurusan Kualiti yang dilaporkan masih dalam proses tindakan pelaksanaan, iaitu:</p> <p>(a) Pertanian Bandaran yang memberi kesan memperkukuhkan agenda sekuriti makanan;</p>	Pejabat Naib Canselor	<u>Maklum balas TWP PNC</u>
15.	4.7.3	<p>(b) melaksanakan Indeks Kegembiraan UPM atau Happiness Index (UPMHI) yang memberi kesan untuk mengenal pasti tahap kegembiraan warga UPM mengikut fungsi perjawatan (job function) yang diberikan supaya Universiti boleh mencari jalan penyelesaian bagi mengatasi sebarang isu yang berlaku;</p>	Pejabat Naib Canselor	<u>Maklum balas TWP PNC</u>

TINDAKAN SUSULAN MESYUARAT LEPAS | KERTAS 1
[2.1: MKSP QMS KALI KE-4]

BIL	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB /TINDAKAN	STATUS PELAKSANAAN/PENCAPAIAN
16.	4.7.3	(c) mewujudkan Himpunan Bakat (Talent Pool) pegawai akademik dan bukan akademik bagi Pelan kepimpinan universiti agar kesinambungan kecemerlangan universiti dapat dikekalkan;	Pejabat Pendaftar	<u>Maklum balas TWP Pejabat Pendaftar</u> Himpunan Bakat UPM telah diwujudkan dengan seramai 190 pegawai menganggotai Himpunan Bakat Akademik dan 259 pegawai merupakan ahli Himpunan Bakat Bukan Akademik. Program Pembangunan Bakat dengan kerjasama UPMHoldings juga telah mula dilaksanakan pada tahun 2014 dengan sebanyak 20 latihan dirancang untuk dilaksanakan sepanjang tahun.
17.	4.7.3	(d) mewujudkan program Universiti Putra Malaysia Talent Appreciation and Culture Transformation (UPMTACT) yang memberi kesan sebagai platform pendedahan dan pembelajaran antarabangsa kepada pegawai bukan akademik bagi membantu transformasi budaya kerja dan budaya hidup pegawai UPM agar lebih berdaya saing sebaris dengan amalan universiti bertaraf antarabangsa;	Pejabat Pendaftar	<u>Maklum balas TWP Pejabat Pendaftar</u> Program UPMTACT telah mula dilaksanakan pada tahun 2014. Sebanyak 31 kumpulan melibatkan 473 staf telah ditawarkan mengikuti program ini.
18.	4.7.3	(e) membuat penawaran Tenaga Akademik Muda (TAM) yang memberi kesan memastikan pelan pengantian dan penyediaan pelapis kepada pegawai akademik sedia ada tidak terganggu;	Pejabat Pendaftar	<u>Maklum balas TWP Pejabat Pendaftar</u> Seramai 44 orang TAM telah diperakui dalam Mesyuarat Jawatankuasa Basiswa dan Cuti Belajar tahun 2013 dan 2014 (sehingga Disember).

TINDAKAN SUSULAN MESYUARAT LEPAS | KERTAS 1
[2.1: MKSP QMS KALI KE-4]

BIL	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB /TINDAKAN	STATUS PELAKSANAAN/PENCAPAIAN
19.	4.7.3	(f) membangunkan instrumen pengukuran impak Jaringan Industri dan Masyarakat (JINM) berlandaskan 1-5 Bintang yang bertujuan untuk mengukur tahap keberkesanan projek JINM yang memberi kesan kepada Ketua Projek dan Ketua Pusat Tanggungjawab boleh memantau dan menilai kemajuan serta keberkesanan sesuatu projek Industri dan Komuniti dari masa ke semasa. Menerusi sistem ini, Universiti dapat mengenal pasti projek JINM yang berimpak dan membuat tindakan sewajarnya kepada projek yang tidak mendatangkan hasil seperti yang dirancang;	Pejabat Timbalan Naib Canselor (JINM)	<u>Maklum balas TWP TNC JINM</u> Pada 2014, semua PTJ telah menggunakan instrumen 1-5 bintang dan melaporkan prestasi projek masing-masing pada Q1-Q3 2014. Instrumen Penarafan Bintang 1-5 telah dilaksanakan pada 2014 sehingga kini. Pelaporan prestasi projek Jaringan Industri dan Komuniti dilaporkan pada sukuan keempat (Q4) oleh Pusat Tanggungjawab.
20.	4.7.3	(g) membangunkan sistem pengurusan peralatan penyelidikan (Central Equipment Management System (CEMS) bagi mewujudkan sistem penggunaan dan pemantauan peralatan makmal di UPM yang memberi kesan supaya proses pembelian, tempahan peralatan serta makmal dan proses penyelenggaraan serta kalibrasi dapat dipantau dengan mudah;	Pejabat Timbalan Naib Canselor (PI)	<u>Maklum balas TWP TNC PI</u> Pembangunan sistem pengurusan peralatan penyelidikan (Central Equipment Management System (CEMS) telah berada di fasa penyediaan enjin sistem dan dijangka selesai pada Jun 2015.
21.	4.7.3	(h) membangunkan Research Project Monitoring System (RPMS) yang memberi kesan memudahkan pemantauan pelaksanaan projek penyelidikan yang dilaksanakan; dan	Pejabat Timbalan Naib Canselor (PI)	<u>Maklum balas TWP TNC PI</u> Pembangunan Research Project Monitoring System (RPMS) telah selesai dan dalam proses memasukkan data dan dijangka akan digunapakai oleh PTJ pada Jun 2015.

TINDAKAN SUSULAN MESYUARAT LEPAS | KERTAS 1
[2.1: MKSP QMS KALI KE-4]

BIL	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB /TINDAKAN	STATUS PELAKSANAAN/PENCAPAIAN
22.	4.7.3	(i) menyediakan formula pengiraan kadar caj perkhidmatan dan pengujian bagi makmal yang menyediakan perkhidmatan dan pengujian yang memberi kesan untuk menyediakan kadar caj yang berpatutan dan mengambil kira faktor yang telah ditetapkan.	Pejabat Timbalan Naib Canselor (PI)	<u>Maklum balas TWP TNC PI</u> Penyediaan formula pengiraan kadar caj telah disediakan dan dibentangkan untuk digunakan oleh PTJ bagi penetapan harga. Semakan kadar caj akan disemak secara berperingkat menggunakan formula yang diberikan.
23.	4.8	Peluang Penambahbaikan (a) menambahbaik ciri keselamatan sijil dengan mewujudkan QR Code pada sijil akademik agar pengesahan boleh dilaksanakan oleh pihak ketiga sendiri (seperti majikan dan penaja) dengan menggunakan telefon pintar atau pengimbas melalui aplikasi QR Code umum yang boleh dimuat turun secara percuma;	Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)	<u>Maklum balas TWP TNCAA</u> Pembekal untuk mencetak QR Code pada sijil akademik graduan telah dilantik pada 24 September 2014 dan proses percetakan dan imbasan QR Code berkenaan akan dilaksanakan selewat-lewatnya 7 hari sebelum Majlis Konvokesyen Ke-38 (Majlis Konvokesyen UPM Ke-38 akan dilaksanakan pada 1-4 November 2014. QR Code telah dilaksanakan 7 hari sebelum Majlis Konvokesyen UPM Ke-38 pada 1-4 November 2014.
24.	4.8	(b) meminimalkan penggunaan plastik semasa membekalkan ubat kepada pesakit/pelanggan PKU;	Pusat Kesihatan Universiti	<u>Maklum balas TWP PKU</u> Pihak farmasi PKU telah melaksanakan proses meminimalkan penggunaan plastik kepada semua pelanggan /pesakit akan tetapi kepada pesakit yang menerima ubat-ubatan yang banyak diatas dasar perikemanusiaan kami tetpa memberi plastik ubat untuk mereka mudah membawa balik.

TINDAKAN SUSULAN MESYUARAT LEPAS | KERTAS 1
[2.1: MKSP QMS KALI KE-4]

BIL	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB /TINDAKAN	STATUS PELAKSANAAN/PENCAPAIAN
25.	4.8	(c) menyediakan kerusi urut untuk pelanggan perpustakaan (termasuk di perpustakaan cawangan);	Perpustakaan Sultan Abdul Samad	<u>Maklum balas TWP Perpustakaan</u> Perkhidmatan tidak dapat disediakan kerana tiada pembekal yang berminat atas dasar tidak 'cost effective'
26.	4.8	(d) menaiktaraf Kolej-Kolej kediaman dengan peruntukan sebanyak RM 5 juta bagi kerja-kerja menaiktaraf tandas di 5 buah kolej kediaman iaitu Kolej 2, Kolej 5, Kolej 6 , KOSAS dan Kolej 10;	Pejabat TNC HEPA	<u>Maklum balas TWP TNC HEPA</u> Maklum balas daripada Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset, 30% kerja-kerja naik taraf tandas di 5 buah kolej kediaman telah disiapkan, dan kerja-kerja dijangka akan siap seperti maklumat berikut: i) Kolej 2 & 5 – Mula 6 Julai siap 9 Dis 2014 ii) Kolej 7 & 6 - Mula 7 ogos siap 10 Dis 2014 iii) Kolej 10 - Mula 8 Julai siap 15 Sept 2014 Maklum balas daripada Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset, yang terkini sehingga 27 March 2015, kerja-kerja naik taraf tandas di 5 buah kolej kediaman adalah seperti maklumat berikut: i) Kolej 2 - 26 % siap ii) Kolej 5 - 64% siap iii) Kolej 6 - 38% siap iv) KOSAS (Kolej 7) - 65% siap v) Kolej 10 - 100% siap

TINDAKAN SUSULAN MESYUARAT LEPAS | KERTAS 1
[2.1: MKSP QMS KALI KE-4]

BIL	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB /TINDAKAN	STATUS PELAKSANAAN/PENCAPAIAN
27.	4.8	(e) membangunkan Sistem Pangkalan Data Industry Community Relations Intelligence System (ICRIS) bagi meningkatkan keberkesanan proses kerja, pemrosesan data dan pelaporan maklumat JINM;	Pejabat TNC JINM	<p><u>Maklum balas TWP TNC JINM</u> Setakat September 2014, satu prototaip Sistem Pangkalan Data ICRIS telah dibina dengan kerjasama iDEC UPM dan prototaip tersebut kini dalam proses semakan oleh Pejabat TNC (Jaringan Industri dan Masyarakat) untuk penambahbaikan.</p> <p>Pembangunan ICRIS (Prototaip) bagi fasa I telah siap dan pembangunan coding sedang dilaksanakan. Pembangunan ICRIS Fasa II akan terus dilaksanakan sejurus selesai Fasa I.</p>
28.	4.8	(f) menubuhkan Jawatankuasa Pemandu Jaringan Industri dan Masyarakat Universiti;	Pejabat TNC JINM	<p><u>Maklum balas TWP TNC JINM</u> Jawatankuasa Pemandu Jaringan Industri dan Masyarakat UPM telah ditubuhkan seperti mana kelulusan JPU dalam Minit Mesyuarat JPU kali ke-512 pada 23 April 2014.</p>
29.	4.8	(g) membangunkan modul Kursus Asas Pengembangan sebagai pengisian kepada Kursus Pengembangan untuk pegawai akademik;	Pejabat TNC JINM	<p><u>Maklum balas TWP TNC JINM</u> Sehingga September 2014:</p> <ul style="list-style-type: none"> - 3 modul sedia untuk diterbitkan iaitu; <ul style="list-style-type: none"> a) Perencanaan Program Pengembangan, b) Pemantauan dan Penilaian Program Pengembangan, dan c) Kemahiran Komunikasi dalam Kaedah Pengembangan. - 3 modul lain sedang dikemas kini: <ul style="list-style-type: none"> a) Falsafah, Prinsip dan Tujuan

TINDAKAN SUSULAN MESYUARAT LEPAS | KERTAS 1
[2.1: MKSP QMS KALI KE-4]

BIL	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB /TINDAKAN	STATUS PELAKSANAAN/PENCAPAIAN
				<p>Penglibatan Komuniti, b) Transformasi Peranan Pegawai Pengembangan, dan c) Menyerlahkan Pendayaupayaan Pegawai Pengembangan.</p> <p><u>Maklum balas TWP TNC JINM</u> UCTC telah memulakan proses pembangunan enam modul Kursus Asas Pengembangan. Tiga sudah sedia untuk dicetak, sementara tiga lagi masih dalam status penulisan.</p> <p>Modul Kursus Asas Pengembangan telah dibangunkan. Sebanyak empat Kursus Asas Pengembangan telah dilaksanakan pada tahun 2014.</p> <p>Seramai 194 orang peserta telah dijemput menyertai namun hanya 122 orang sahaja yang mengikuti kursus setakat ini.</p>
30.	4.8	(h) menyediakan Skim Insurans Berkelompok melibatkan semua staf UPM;	Pejabat Pendaftar	<p><u>Maklum balas TWP Pejabat Pendaftar</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Beberapa siri perbincangan telah diadakan bersama syarikat – syarikat insurans dan wakil persatuan/kesatuan bagi pelaksanaan Skim Perlindungan Insuran melibatkan semua staf UPM. • Sebanyak 2 syarikat insurans yang terpilih telah dijemput untuk membuat pembentangan pelan perlindungan

TINDAKAN SUSULAN MESYUARAT LEPAS | KERTAS 1
[2.1: MKSP QMS KALI KE-4]

BIL	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB /TINDAKAN	STATUS PELAKSANAAN/PENCAPAIAN
				<p>insurans dalam mesyuarat Majlis Bersama Jabatan Induk pada 13 Disember 2013.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mesyuarat telah menengguhkan pelaksanaan Skim Perlindungan Insurans tersebut kerana melibatkan perbelanjaan premium tahunan yang tinggi melibatkan lebih 2 juta ringgit dan peraturan kewangan yang tidak membolehkan universiti menggunakan peruntukan mengurus bagi tujuan pembayaran premium insurans.
31.	4.8	(i) menaiktaraf Kemudahan Perumahan Staf UPM;	Pejabat Pendaftar	<p><u>Maklum balas TWP Pejabat Pendaftar</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Susulan arahan daripada Mesyuarat Jawatankuasa Perumahan Universiti, pihak Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset telah melaksanakan Audit Prestasi Bangunan merujuk kepada dokumen Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 2012, tatacara Pengurusan Aset Tak Alih Kerajaan JPM. • Audit Prestasi Bangunan di Kampus Serdang dan Ladang Puchong melibatkan Rumah Kelas C, D, F, G dan H dengan beberapa cadangan yang perlu diambil tindakan. • Pihak universiti juga dicadangkan untuk membina kompleks perumahan baru yang komprehensif, lengkap dengan taman asuhan, padang permainan, kawasan pakir dan dan

TINDAKAN SUSULAN MESYUARAT LEPAS | KERTAS 1
[2.1: MKSP QMS KALI KE-4]


BIL	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB /TINDAKAN	STATUS PELAKSANAAN/PENCAPAIAN
				<p>rumah kedai bagi kemudahan staf UPM.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kertas Cadangan Penilaian Menyeluruh Penghuni Kuarters Sediada Berdasarkan Kepentingan Tugas dan Keperluan Menduduki Kuarters UPM telah diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU) Kali Ke- 523 bertarikh 20 Ogos 2014.
32.	4.8	(j) menyelaraskan sistem kod fail UPM;	Pejabat Pendaftar	<p><u>Maklum balas TWP Pejabat Pendaftar</u></p> <p>Pejabat Pendaftar telah membuat beberapa siri semakan pelarasan kod fail bersama PTJ. Walau bagaimanapun Kod fail tersebut telah dihantar untuk kelulusan pendaftaran Arkib Negara pada Oktober tahun 2014 dan dikemaskini semula pada Mac 2015. Setelah mendapat keputusan kelulusan perakuan penggunaan dari Arkib Negara tarikh kuat kuasa penggunaan kod fail akan ditetapkan dan diselaraskan semula bersama Bahagian Pengurusan Kualiti, Pejabat Pendaftar.</p> <p>Pejabat Pendaftar baru menerima surat kelulusan perakuan penggunaan kod fail dari Arkib Negara(20.4.2015). Tarikh kuat kuasa penggunaannya akan ditetapkan setelah selesai diselaraskan semula kod fail rekod kualiti SPK bersama BPO.</p>

TINDAKAN SUSULAN MESYUARAT LEPAS | KERTAS 1
[2.1: MKSP QMS KALI KE-4]

BIL	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB /TINDAKAN	STATUS PELAKSANAAN/PENCAPAIAN
				Bengkel untuk perubahan/rombakan nombor fail secara keseluruhannya melibatkan semua PTJ akan dilakukan
33.	4.8	(k) menyusun semula unit aplikasi di Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi (iDEC);	iDEC	<u>Maklum balas TWP iDEC</u> Penyusunan semula Unit Aplikasi telah dibuat pada 1 April 2014
34.	4.8	(l) melaksanakan Ticketing System untuk Pembangunan ICT.	iDEC	<u>Maklum balas TWP iDEC</u> Ticketing System untuk menyusun aturan Pembangunan ICT telah sedia untuk digunakan.

AGENDA 2.2
TINDAKAN SUSULAN
MESYUARAT MKSP EMS
KALI PERTAMA

[Kertas 2]



TINDAKAN SUSULAN MESYUARAT LEPAS | KERTAS 2
[2.2: MKSP EMS KALI PERTAMA]

BIL	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB /TINDAKAN	STATUS PELAKSANAAN/PENCAPAIAN
				<p>(c) Tindakan untuk mempertingkatkan kesedaran mengenai sistem pengurusan alam sekitar telah dilaksanakan melalui:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Paparan/hebahan melalui poster, bunting di pintu utama Universiti dan sekitar kampus UPM; ii. Paparan maklumat pada laman sesawang UPM dan portal e-ISO; iii. Taklimat pelaksanaan EMS oleh Peneraju Proses iaitu pada 18/10/2013 dan 12/11/2013; iv. Taklimat Kesedaran EMS kepada JPU, Pegawai kanan, TWP dan wakil PTJ, wakil persatuan/kesatuan, wakil NGO, wakil UPM Holding, wakil pelajar pada 23/1/2014; v. Taklimat kesedaran EMS kepada semua Peneraju Proses dan TWP pada 29/4/2014.
		<p>(b) Peneraju proses perlu memastikan penyelarasan di peringkat pegawai utiliti, pemantauan oleh Jawatankuasa ISO yang dipengerusikan Timbalan Wakil Pengurusan Pusat Tanggungjawab dapat dilaksanakan dengan berkesan</p>	<p>Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset (PPPA)</p>	<p><u>Maklum balas PPPA:</u> Pihak PPPA telah menghantar surat, mengadakan perjumpaan pada 21 Oktober 2013, dan juga mesyuarat dengan pegawai utiliti di PTJ pada 19 Disember 2013. PPPA juga telah meminda kaedah pemantauan dan pelaporan serta mewujudkan Daftar Format Laporan dan Analisa Keberkesanan Aktiviti Penjimatan Elektrik di Peringkat PTJ bagi memudahkan pegawai utiliti di PTJ menyediakan laporan penjimatan elektrik.</p>

TINDAKAN SUSULAN MESYUARAT LEPAS | KERTAS 2
[2.2: MKSP EMS KALI PERTAMA]

BIL	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB /TINDAKAN	STATUS PELAKSANAAN/PENCAPAIAN
		(c) Tindakan Pembetulan dan Pencegahan perlu dilaksanakan dengan segera dan berkesan. Jika staf gagal mematuhi, tindakan amaran, tatatertib dan surcaj hendaklah dilaksanakan. Tindakan tegas ini perlu diambil terhadap pegawai yang didapati cuai/gagal melaksanakan tanggungjawabnya tanpa sebab-sebab munasabah sehingga menyebabkan berlakunya pencemaran.	Ketua PTJ/Peneraju	<u>Maklum balas Ketua PTJ/Peneraju:</u> Tindakan Pembetulan dan Pencegahan dibincangkan, dan dipantau dalam Mesyuarat Pengurusan Fakulti bagi memastikan tindakan pelaksanaan dibuat dengan segera dan berkesan
		(d) Universiti Putra Malaysia perlu menambah peruntukan kewangan bagi menyelenggara infrastruktur terutama yang melibatkan makmal dan pembuangan sisa kimia dan racun dalam sinki dan seterusnya dialirkan keluar ke sistem perparitan dalam kampus. Satu loji rawatan air kumbahan yang moden diperlukan untuk merawat sisa air kumbahan setempat bagi penyingkiran logam berat dalam tasik di sekitar kampus.	PPPA / Pejabat Bursar	<u>Maklum balas PPPA:</u> PPPA telah berusaha dan berjaya mendapatkan peruntukan dalam Rolling Plan ke 4 Rancangan Malaysia ke 10 untuk menaiktaraf loji rawatan kumbahan bagi fakulti-fakulti/bangunan-bangunan lama dan dibuat secara berpusat. PTJ yang terlibat adalah: <ul style="list-style-type: none"> i. Fakulti Sains ii. Fakulti Ekonomi iii. Fakulti Perhutanan iv. Fakulti Ekologi v. ITMA lama (INTROP) vi. Pusat Asasi Sains Pertanian Perpustakaan Sultan Abdul Samad vii. Pusat Kebudayaan Dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah

TINDAKAN SUSULAN MESYUARAT LEPAS | KERTAS 2
[2.2: MKSP EMS KALI PERTAMA]

BIL	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB /TINDAKAN	STATUS PELAKSANAAN/PENCAPAIAN
				<p><u>Maklum balas Pejabat Bursar:</u> Universiti akan melihat keperluan penyelenggaraan secara terperinci mengikut PTJ.</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) PPPA diminta mengemukakan data dan membuat laporan keperluan penyelenggaraan secara menyeluruh untuk Universiti. 2) PPPA perlu membuat penilaian dan menyenaraikan mengikut keutamaan dan membuat pelan pelaksanaan serta anggaran kos penyelenggaraan yang diperlukan dan dikemukakan untuk kelulusan pihak berkuasa Universiti. 3) Universiti menyediakan peruntukan tahunan berpusat di bawah kawalan PPPA dengan peruntukan sebanyak RM10 juta setahun tertakluk kepada peruntukan kewangan dari agensi pusat selain daripada peruntukan untuk Rancangan Malaysia.
		(e) Universiti Putra Malaysia juga perlu memastikan satu aplikasi sistem inventori kimia dan racun dapat dibangunkan supaya pengurusan stor dan pengurusan sisa kimia dan racun dapat dilaksanakan dengan lebih baik.		<p>Maklum balas adalah sama dengan tindakan pada minit 1.3 (d)</p> <p><u>Maklum balas Fakulti Kejuruteraan:</u> Makluman penemuan audit telah dibawa dan dibincangkan dalam Mesyuarat Pengurusan Fakulti.</p>
		(i) mengambil perhatian isu ketiadaan ruang simpanan sisa bahan kimia di Fakulti Kejuruteraan dan Fakulti Pertanian walaupun bangunan dua (2) Fakulti tersebut adalah bangunan baharu. Ini kerana ruang simpanan ini sepatutnya diambilkira semasa	PPPA	<p><u>Maklum balas PPPA:</u> Data makmal dan pengurusan bahan kimia adalah di bawah kawalah pihak OSH. Oleh yang demikian, PPPA telah merujuk dengan menulis surat kepada OSH tentang keperluan</p>

TINDAKAN SUSULAN MESYUARAT LEPAS | KERTAS 2
[2.2: MKSP EMS KALI PERTAMA]

BIL	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB /TINDAKAN	STATUS PELAKSANAAN/PENCAPAIAN
		cadangan pembinaan bangunan. Mesyuarat dimaklumkan bahawa isu ini menyumbang peningkatan bilangan ketakakuran pada klausa Kawalan Operasi.		stor berpusat sisa bahan kimia bertarikh 9 Disember 2013 (UPM/PPPA/100-4/11/EMS). PPPA telah menaiktaraf stor simpanan bahan kimia bersebelahan pejabat OSH yang baharu untuk dijadikan stor pusat sisa bahan kimia.
		(l) meminta Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset (PPPA) menyediakan kertas kelulusan Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU) mengenai penyediaan ruang simpanan sisa bahan kimia di UPM secara berpusat.	Pengarah PPPA / TWP PPPA	<u>Maklum balas PPPA:</u> Data makmal dan pengurusan bahan kimia adalah di bawah kawalah pihak OSH. Oleh yang demikian, PPPA telah merujuk dengan menulis surat kepada OSH tentang keperluan stor berpusat sisa bahan kimia bertarikh 9 Disember 2013 (UPM/PPPA/100-4/11/EMS). PPPA telah menaiktaraf stor simpanan bahan kimia bersebelahan pejabat OSH yang baharu untuk dijadikan stor pusat sisa bahan kimia.
		(m) dimaklumkan bahawa prosedur penyimpanan sisa kimia telah didokumenkan kecuali tatacara pembersihan radas bahan kimia. Mesyuarat meminta perhatian semua Dekan untuk menghebahkan kepada staf di PTJ terutamanya di makmal supaya tidak mencuci radas bahan kimia dalam sinki yang akan memberi impak kepada alam sekitar.	Semua Dekan Fakulti	<u>Maklum balas PPKKP:</u> Telah sedia ada dinyatakan dalam Garis Panduan Pengurusan dan Keselamatan Makmal/Bengkel di para 5.2 Penyimpanan dan Penggunaan Bahan/Radas Makmal – Panduan Keselamatan Penggunaan Radas Kaca. <u>Maklum balas Dekan Fakulti:</u> <u>Fakulti Ekonomi Pengurusan:</u> Tidak berkaitan. Tiada radas bahan kimia di FEP. <u>Fakulti Pertanian:</u> Rujukan UPM/FP/PD/PEMB/JKKP bertarikh 4 Februari 2014 berkenaan makluman kepada semua staf makmal agar mematuhi peraturan seperti mana dalam petikan (EMS) MS ISO 14001:2004 UPM Kali Pertama (Minit-1.1.1 (m)

TINDAKAN SUSULAN MESYUARAT LEPAS | KERTAS 2
[2.2: MKSP EMS KALI PERTAMA]

BIL	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB /TINDAKAN	STATUS PELAKSANAAN/PENCAPAIAN
				<p><u>Fakulti Perhutanan:</u> Pegawai Sains fakulti telah diminta untuk maklumkan arahan ini kepada kepada semua staf makmal dan pelajar. Walau bagaimanapun arahan ini tidak dapat dikuatkuasakan lagi kerana tiada saluran khas untuk mencuci radas bahan kimia, dan tatacara berkenaan juga belum dibangunkan oleh Peneraju Proses.</p> <p><u>Fakulti Kejuruteraan</u> Makluman dibuat dalam Mesyuarat Pengurusan Fakulti kepada semua Ketua Jabatan untuk dipanjangkan kepada semua staf makmal.</p>
		(n) diminta mengambil perhatian tarikh akhir tindakan laporan ketakakuran (NCR) adalah pada 21 Oktober 2013 atau tarikh yang ditentukan oleh auditee.	Ketua PTJ dan TWP PTJ	<p><u>Maklum balas Ketua PTJ/TWP PTJ:</u> Rujuk tindakan bersepadu oleh Peneraju Proses)</p> <p><u>Maklum balas Fakulti Kejuruteraan</u> Kesemua NCR dan OFI Audit Dalaman EMS FK telah diambil tindakan penutupan.</p>
2.	1.3	<p>Prestasi Pencapaian Alam Sekitar UPM</p> <p>(b) meneliti isu pelaksanaan, cadangan tindakan pelaksanaan, dan keperluan sumber yang dibentangkan. Mesyuarat bersetuju supaya permohonan yang melibatkan keperluan sumber perlu dibawa ke mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti untuk kelulusan.</p>	Pengarah PPKKP	<p><u>Maklum balas PPKKP:</u> Telah mengemukakan kertas cadangan kepada Sekretariat JPU pada 29 Mei 2014 untuk dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti.</p> <p>Masih menunggu Dokumen PROFORMA kewangan untuk melaksanakan program</p>

TINDAKAN SUSULAN MESYUARAT LEPAS | KERTAS 2
[2.2: MKSP EMS KALI PERTAMA]

BIL	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB /TINDAKAN	STATUS PELAKSANAAN/PENCAPAIAN
				<p>pemantauan alam sekitar. Seorang staf (Penolong Jurutera) telah ditempatkan di Seksyen Operasi & Perkhidmatan – Unit Persekitaran.</p>
		(c) mengambil makluman cadangan Pengerusi supaya menggunakan khidmat pelajar yang bertugas separuh masa di Pejabat PPKKP untuk membantu UPM dalam melaksanakan keperluan di bawah kehendak EMS.	Pengarah PPKKP	<p><u>Maklum balas PPKKP:</u> Telah memulakan Program Volunteer OSH yang mana pendaftaran telah dibuka kepada pelajar yang berminat.</p> <p>Menggunakan 2 orang Khidmat Pelajar Praktikal walau bagaimanapun data cerobong/serombong tidak dapat diverifikasi bagi Program Kelulusan Bertulis.</p>
		(d) meneliti isu pelaksanaan untuk memantapkan pengurusan bahan berbahaya (bahan kimia, bahan beracun/pestisides/ bahan radioaktif) di UPM. Mesyuarat bersetuju mengguna pakai dan menambah baik sistem atas talian yang telah dibangunkan oleh Fakulti Kejuruteraan UPM. Mesyuarat meminta Pejabat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi (iDEC) dan Fakulti Kejuruteraan bersama meneliti keperluan bagi memantapkan pelaksanaan EMS di UPM dengan menggunakan kepakaran dalaman.	Pengarah iDEC/TWP iDEC, Dekan Fakulti Kejuruteraan/TWP Fakulti Kejuruteraan, dan Pengarah PPKKP	<p><u>Maklum balas PPKKP:</u> Perbincangan Bersama iDEC telah diadakan pada 25 April 2014.</p> <p>Pada 12 Mac 2015 Fakulti Kejuruteraan telah berbincang dengan PPKKP untuk menambahbaik sistem sedia ada. Walaubagaimanapun kos sebenar belum diputuskan kerana masih menunggu maklumbalas pihak ketiga. Belum mendapatkan persetujuan bersama antara pihak iDEC & Fakulti Kejuruteraan.</p> <p><u>Maklum balas Fakulti Kejuruteraan</u> Dalam proses tindakan susulan.</p>
		(e) meminta supaya sekiranya cadangan pertukaran nama Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (PPKKP/OSH) kepada Pejabat Pengurusan Kesihatan, Keselamatan dan Persekitaran (PPKKP/HSE) dipersetujui, maka	Pengarah PPKKP	<p><u>Maklum balas PPKKP:</u> Telah mengemukakan kertas cadangan kepada Sekretariat JPU pada 29 Mei 2014 untuk dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti.</p>

TINDAKAN SUSULAN MESYUARAT LEPAS | KERTAS 2
[2.2: MKSP EMS KALI PERTAMA]

BIL	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB /TINDAKAN	STATUS PELAKSANAAN/PENCAPAIAN
		Pejabat ini akan menjadi sekretariat pelaksanaan latihan yang berkaitan alam sekitar.		<p>Berdasarkan Minit JKKP-UPM kali ke 32 bertarikh 2 Disember 2014 : Mesyuarat bersetuju nama dan fungsi Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan UPM ditukar kepada Jawatankuasa Keselamatan, Kesihatan Pekerjaan dan Persekitaran (JKKPP-UPM) atau Occupational Safety, Health & Environment Committee (OSHE Committee) berkuatkuasa 1 Januari 2015.</p> <p>Oleh itu, secara langsung PPKP bertambah skop tanggungjawab iaitu menjadi sekretariat utama dalam program OSH dan alam sekitar di UPM.</p>
3.	1.5.1	<p>Tindakan Pencegahan</p> <p>(b) dimaklumkan bahawa keberkesanan tindakan pencegahan yang diambil akan dilihat dan dipantau pada mesyuarat Jawatankuasa ISO atau mana-mana mesyuarat di peringkat Peneraju Proses.</p>	BPO UPM/Peneraju Proses	<p><u>Maklum balas Peneraju Proses berkaitan:</u> Status pelaksanaan tindakan pencegahan yang direkodkan oleh Peneraju telah dibawa ke Mesyuarat JKISO pada 17/7/2014 untuk melihat keberkesanannya.</p> <p><u>Maklum balas BPO:</u> Pemantauan status tindakan Pencegahan telah dijadikan agenda dalam JKISO dan dibincangkan pada Mesyuarat JK ISO yang ddiadakan pada 17/7/2014.</p>


TINDAKAN SUSULAN MESYUARAT LEPAS | KERTAS 2
[2.2: MKSP EMS KALI PERTAMA]

BIL	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB /TINDAKAN	STATUS PELAKSANAAN/PENCAPAIAN
4.	1.5.2	Tindakan Pembedulan	Pengarah PPKKP	<p><u>Maklum balas PPKKP:</u> Telah mengemukakan kertas cadangan kepada Sekretariat JPU pada 29 Mei 2014 untuk dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti.</p> <p>Masih menunggu Dokumen PROFORMA kewangan untuk melaksanakan program pemantauan alam sekitar.</p> <p>Seorang staf (Penolong Jurutera) telah ditempatkan di Seksyen Operasi & Perkhidmatan – Unit Persekitaran.</p> <p>Seorang Pegawai Sains(PPKKP) telah menghadiri kursus kompetensi – Pengurusan Sisa Terjadual pada 19 hingga 13 Februari 2015. Keputusan ujian kompetensi akan dikeluarkan selepas 3 bulan.</p>
		(b) meminta supaya sebarang keperluan sumber yang dimohon perlu mendapatkan kelulusan Jawatankuasa Pengurusan Universiti.		
		(c) dimaklumkan bahawa keberkesanan tindakan pembedulan yang diambil akan dilihat dan dipantau pada mesyuarat Jawatankuasa ISO atau mana-mana mesyuarat di peringkat Peneraju Proses.		

TINDAKAN SUSULAN MESYUARAT LEPAS | KERTAS 2
[2.2: MKSP EMS KALI PERTAMA]

BIL	MINIT	PERINCIAN TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB /TINDAKAN	STATUS PELAKSANAAN/PENCAPAIAN
5.	1.8 1.8.1	<p>Hal-Hal Lain</p> <p>Pemakluman Berkaitan Keperluan Memperoleh Peralatan dalam Membantu Penjimatan Elektrik</p> <p>(b) bersetuju meminta PPPA mengemukakan kertas pemakluman ini ke mesyuarat JPU untuk kelulusan.</p>	<p>Pengarah PPPA dan TWP PPPA</p>	<p><u>Maklum balas PPPA</u></p> <p>PPPA telah berbincang dengan Pejabat Bursar dan pembelian alatan tersebut akan dibuat secara berperingkat. Walaubagaimanapun pembelian tersebut ditangguhkan sementara kerana PPPA akan melaksanakan inisiatif penjimatan tenaga melalui konsep Energy Performance Contracting (EPC) Di Sektor Kerajaan Oleh Energy Service Company (ESCO) Yang Berdaftar Dengan Suruhanjaya Tenaga. Inisiatif ini akan melibatkan beberapa PTJ yang mana penggunaan elektrik adalah tinggi. Dalam ESCO, alat yang digunakan untuk tujuan penjimatan tersebut adalah sama dengan alat yang ingin dibeli.</p>


AGENDA 3.0
PENEMUAN AUDIT DAN
PENILAIAN KEPATUHAN



AGENDA 3.1:
PENEMUAN AUDIT QMS

3.1.1 Audit Pemantauan
oleh SIRIM

[Kertas 3]



PENEMUAN AUDIT PEMANTAUAN SEMAKAN 2
SISTEM PENGURUSAN KUALITI OLEH SIRIM

HASIL LAPORAN AUDIT PEMANTAUAN
SISTEM PENGURUSAN KUALITI (MS ISO 9001:2008)

1.0 TUJUAN

Kertas ini adalah bertujuan untuk memaklumkan kepada Ahli Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) Universiti Putra Malaysia (UPM) berkaitan penemuan Audit Pemantauan Semakan 2, Sistem Pengurusan Kualiti oleh SIRIM.

2.0 PENGENALAN

Audit Pemantauan Sistem Pengurusan Kualiti (MS ISO 9001:2008) oleh SIRIM telah dilaksana pada 18 hingga 29 Ogos 2014. Sepanjang audit, seramai lima (5) orang Juruaudit telah terlibat bagi mengaudit skop perkhidmatan pengajian pendidikan di peringkat tertiary, pengurusan dan pelaksanaan penyelidikan, perhubungan industri dan masyarakat, pengurusan pembangunan pelajar dan alumni, dan perkhidmatan korporat.

3.0 LOKASI AUDIT

Lokasi yang dipilih sebagai sampel untuk audit adalah Fakulti Ekologi Manusia, Fakulti Sains dan Teknologi Makanan, Pejabat Naib Canselor, Pejabat Pemasaran dan Komunikasi (Nama baharu: Pejabat Strategi Korporat dan Komunikasi), Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Perpustakaan Sultan Abdul Samad, Akademi Sukan, Institut Kajian Dasar Pertanian dan Makanan, Pejabat Bursar, Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Pejabat Pendaftar, Institut Biosains, Fakulti Rekabentuk dan Senibina, Fakulti Kejuruteraan, Pusat Islam, Institut Perhutanan Tropika dan Produk Hutan, Institut Pengajian Sains Sosial, Taman Pertanian Universiti, Pusat Sukan, Pusat Penempatan Kerjaya (Nama baharu: Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Kebolehpasaran Graduan), Pusat Pengurusan Penyelidikan, Putra Science Park, Pusat Pengembangan Keusahawanan dan Pemajuan Profesional (Nama baharu: Pusat Transformasi Komuniti Universiti), Bahagian Jaringan Industri (Nama baharu: Pusat Hubungan dan Jaringan Industri), Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset,

Bahagian Akademik (Nama baharu: Bahagian Kemasukan dan Bahagian Urus Tadbir Akademik), Kolej Keenam, Kolej Tujuh Belas, Kolej Tiga Belas, Kolej Empat Belas, Pusat Pembangunan Akademik, Kolej Mohamad Rashid dan Sekolah Pengajian Siswazah dan Bahagian Pengurusan Kualiti.

4.0 PENEMUAN AUDIT

Hasil Audit Pemantauan Semakan 2, terdapat empat (4) ketakakuran dan 23 peluang penambahbaikan. Ringkasan hasil laporan audit pensijilan semula boleh dirujuk seperti di bawah:-

4.1 ketakakuran;

4.2 peluang panambahbaikan; dan

3.1 KETAKAKURAN

BIL.	KETAKAKURAN /NO.	PROSES	KLAUSA	BUKTI PENEMUAN (PTJ) Hendaklah dibaca bersama Laporan SIRIM yang boleh dirujuk pada e-ISO
1.	PD-01	Kolej	6.3 dan 6.4	<p>Kolej Tujuh Belas</p> <ul style="list-style-type: none"> berkaitan semakan inventori dan lawatan ke bilik, penemuan berbeza (isu anai-anai). Pengesahan kerja oleh kontraktor isu pembersihan koridor tidak sama dengan keadaan yang dilihat oleh Juruaudit. Ruang penyimpanan peralatan kemudahan kolej yang tidak teratur. Kawasan persekitaran kantin kotor dan tidak bersih.
2.	PD-02	Kalibrasi	7.6	<p>i. Fakulti Sains dan Teknologi Makanan ii. Institut Biosains</p> <ul style="list-style-type: none"> Isu senarai tentukur
3.	DMM-1	Latihan	7.4.1	<p>Pejabat Pendaftar</p> <ul style="list-style-type: none"> Proses penilaian prestasi (UPM Holdings)
4.	DMM-2	Siswazah	7.5.1(e)	<p>Fakulti Kejuruteraan</p> <ul style="list-style-type: none"> Isu kertas soalan peperiksaan, skema jawapan, borang rangka kursus dan rancangan pengajaran (RP) dan sampel kertas jawapan tidak diselenggara dan disimpan dalam Fail Kursus.

3.2 PELUANG PENAMBAHBAIKAN

BIL	KLAUSA	PUSAT TANGGUNGJAWAB	PROSES	RINGKASAN PELUANG PENAMBAHBAIKAN Hendaklah dibaca bersama Laporan SIRIM yang boleh dirujuk pada e-ISO
1.	6.3	Kolej 14	Kolej	Penyelenggaraan kolej
2.	7.5.4	Sekolah Pengajian Siswazah, Pejabat Bursar, Fakulti Rekabentuk dan Senibina	Pengurusan	Polisi bagi mengawal dokumen yang mengandungi maklumat pelanggan
3.	8.5.2	Pejabat Naib Canselor	Kepuasan Pelanggan	Aduan pelanggan. Pemantauan oleh pihak penyelaras mungkin boleh ditingkatkan dalam memastikan PTJ berkaitan dapat mengenalpasti tindakan pembetulan dengan terperinci bagi aduan-aduan yang sah.
4.	7.5.1	Fakulti Sains dan Teknologi Makanan	Siswazah	<ul style="list-style-type: none"> • Justifikasi bagi sebarang penambahan/pengurangan markah perlu direkodkan dengan jelas. • Rangka kursus dan rancangan pengajaran bagi subjek FST 5602 tidak disahkan oleh penyelaras/ketua jabatan/ketua program dimana didapati penilaian markah peperiksaan akhir telah diubah dari 30% (silibus) kepada 20% (Rangka Kursus)

BIL	KLAUSA	PUSAT TANGGUNGJAWAB	PROSES	RINGKASAN PELUANG PENAMBAHBAIKAN Hendaklah dibaca bersama Laporan SIRIM yang boleh dirujuk pada e-ISO
5.	7.5.1	Institut Kajian Dasar Pertanian dan Makanan	Siswazah	Bukti pelaksanaan Peperiksaan Komprehensif CE – penulisan (written) boleh dikekalkan didalam fail pelajar bagi verifikasi dalaman dan luaran.
6.	5.5.3	Institut Pengajian Sains Sosial	Siswazah	SGS agak lambat dalam memberikan makluman/Surat keputusan bagi permohonan penundahan keputusan.
7.	7.5.1	Institut Pengajian Sains Sosial	Penyelidikan dan Inovasi	Prosedur pelaporan pelaksanaan dan verifikasi laporan geran luar boleh dikaji semula agar pelaksanaannya adalah selaras dengan kehendak kontrak/penaja.
8.	4.2.4	Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan	Prasiswazah	Proses kawalan rekod perlu disemak dan dikajisemula memandangkan terdapat sebilangan rekod khususnya rekod penilaian pengajaran pensyarah tidak diselenggara.
9.	7.4.1	Pejabat Pendaftar	Operasi Pejabat Pendaftar	Penilaian pegawai psikologi perlu dilaksanakan secara berterusan.

BIL	KLAUSA	PUSAT TANGGUNGJAWAB	PROSES	RINGKASAN PELUANG PENAMBAHBAIKAN Hendaklah dibaca bersama Laporan SIRIM yang boleh dirujuk pada e-ISO
10.	7.5.1(e)	Pejabat Pendaftar (Kaunseling)	Operasi Pejabat Pendaftar	Proses penyerahan tugas perlu dikemaskini memandangkan terdapat kes dimana pemantauan status kemajuan/program kaunseling tidak dipantau secara berterusan khususnya apabila berlaku pertukaran kaunselor.
		Pejabat Pendaftar (Kaunseling)	Operasi Pejabat Pendaftar	Fail peribadi pelanggan perlu diselenggara dari semasa kesemasa memandangkan terdapat fail pelanggan yang tidak dikemaskini bagi tempoh masa yang lama.
		Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan	Proses Utama	Penilaian hasil pembelajaran dinilai berdasarkan cognitive(C4), phsycomotor (P4), affective (A3) dan critical thinking problem solving (CTPS). Hasil penilaian khususnya berdasarkan setiap keperluan diatas boleh diperjelaskan secara khusus dalam laporan hasil penilaian pembelajaran.
11.	8.2.3	Fakulti Kejuruteraan	Pra Siswazah	Pemantauan kehadiran pelajar dipantau melalui Borang Kehadiran Kuliah/Amali. Namun begitu terdapat kes dimana ketidakhadiran pelajar melebihi 50 peratus dan telah diberi laluan untuk menduduki peperiksaan akhir.

BIL	KLAUSA	PUSAT TANGGUNGJAWAB	PROSES	RINGKASAN PELUANG PENAMBAHBAIKAN Hendaklah dibaca bersama Laporan SIRIM yang boleh dirujuk pada e-ISO
12.	8.2.1	Pusat Islam Universiti	Operasi Pusat Islam	Borang soal selidik kajian kepuasan pelanggan perlu ditambah baik.
13.	4.2.1	Taman Pertanian Universiti	Pra Siswazah	Pihak pengurusan TPU boleh melihat semula proses kerja berkaitan aktiviti sokongan pengajaran dan pembelajaran bersama fakulti, ini kerana proses kerja yang ada buat masa ini tidak menggambarkan pelaksanaan sebenar oleh TPU.
14.	5.4.1	Taman Pertanian Universiti	Pengurusan	Terdapat objektif kualiti yang masih belum diukur oleh pihak TPU.
15.	7.5.1	Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset	Operasi PPPA	Terdapat sebuah kereta yang belum diselenggara mengikut keperluan yang ditetapkan.
16.	4.2.4	Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset	Operasi PPPA	Perekodan terhadap tindakan pembetulan yang perlu diambil ke atas masalah yang ditemui kerana ketidakcapaian objektif kualiti oleh pihak pengurusan fasiliti belum dibuat secara keseluruhan.

BIL	KLAUSA	PUSAT TANGGUNGJAWAB	PROSES	RINGKASAN PELUANG PENAMBAHBAIKAN Hendaklah dibaca bersama Laporan SIRIM yang boleh dirujuk pada e-ISO
17.	7.5.1	Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset	Operasi PPPA	Pemantauan ke atas projek yang telah disiapkan oleh kontraktor dalam tempoh jaminan boleh dilihat semula oleh pihak PPA, samaada dari pihak pengurusan projek atau pengguna, ini kerana ketika lawatan ke atas projek yang telah disiapkan oleh kontraktor didapati masihbanyak kecacatan yang berlaku, namun belum diambil apa-apa tindakan/makluman kepada kontraktor.
18.	7.2.3	Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah	Operasi PKKSSAAS	Maklumat di dalam "Penyata Kadar Bayaran Sewaan Dewan Besar, Panggung Percubaan, Kemudahan dan Peralatan" bagi perkara C, item 27 berkaitan "set lengkap audio" perlu di semak semula dan lebih diperincikan supaya tidak menimbulkan kekeliruan kepada penyewa.
19.	7.5.1	Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah	Operasi PKKSSAAS	Pengiraan caj penggunaan Dewan Besar dan Panggung Percubaan perlu dipastikan sentiasa merujuk kepada maklumat yang dinyatakan di dalam "Borang Tempahan" dan berpandukan kepada "Penyata Kadar Bayaran Sewaan" yang diwujudkan. Didapati terdapat caj tempahan yang dikenakan yang tidak berdasarkan kepada tempoh penggunaan sebenar.

BIL	KLAUSA	PUSAT TANGGUNGJAWAB	PROSES	RINGKASAN PELUANG PENAMBAHBAIKAN Hendaklah dibaca bersama Laporan SIRIM yang boleh dirujuk pada e-ISO
20.	7.5.1	Institut Perhutanan Tropika dan Produk Hutan	Siswazah	Proses pemilihan/saringan pelajar siswazah di INTROP dibuat melalui edaran email kepada ahli-ahli Jawatankuasa Pengajian Siswazah INTROP. Bagaimanapun, maklumbalas mengenai persetujuan penerimaan pelajar oleh ahli-ahli jawatankuasa tersebut tidak sentiasa diterima/dijawab oleh kesemua ahli.
21	7.2.1	Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Kebolehpasaran Graduan	Operasi HEPA	Keperluan yang dinyatakan di dalam prosedur Kajian Pengesanan Graduan UPM (UPM/OPR/HEPA/P008) berkenaan tempoh pengaktifan sistem online pengesanan graduan iaitu 5 minggu sebelum tarikh kovokesyen dan tutup selepas 3 minggu konvokesyen berakhir perlu disemak semula supaya selaras dengan pelaksanaan sebenar dan bersesuaian dengan keperluan semasa.
22.	7.2.3	Pusat Pembangunan Akademik	Operasi CADE	Senarai pentadbir-pentadbir diperingkat PTJ bagi sistem PutraLMS masih belum dikemaskini berdasarkan pencalonan pentadbir sistem tahun 2014. Rujukan: laman "Contact us" sistem PutraLMS.

BIL	KLAUSA	PUSAT TANGGUNGJAWAB	PROSES	RINGKASAN PELUANG PENAMBAHBAIKAN Hendaklah dibaca bersama Laporan SIRIM yang boleh dirujuk pada e-ISO
23.	ISO/IEC 17021:2011	Pusat Sukan	Pengurusan (Logo)	Reference to certification and use of mark Logo pensijilan sistem pengurusan kualiti (ISO 9001) di kepala surat Pusat Sukan UPM dilihat tidak mengikut ketetapan badan pensijilan dan akreditasi. Pensijilan yang dipamerkan adalah versi standard yang lama dan nombor pensijilan yang berbeza.

5.0 STATUS KETAKAKURAN DAN PELUANG PENAMBAHBAIKAN

Semua bukti ketakakuran telah dimajukan kepada SIRIM dalam tempoh tiga (3) bulan dan telah diterima oleh pihak SIRIM dan ditutup. Bagi peluang penambahbaikan, pihak SIRIM akan melihat pada Audit Pensijilan Semula yang dijadualkan pada 17 hingga 19 Jun dan 22 hingga 26 Jun 2015.


6.0 SYOR

Mesyuarat diminta untuk melihat ketakakuran yang berlaku dan memastikan ianya tidak berulang semasa Audit Pensijilan Semula serta mengambil tindakan pada setiap peluang penambahbaikan yang telah dikemukakan oleh SIRIM.

AGENDA 3.1:
PENEMUAN AUDIT QMS

3.1.2 Audit Dalaman

[Kertas 4]



LAPORAN KETUA JURUAUDIT AUDIT DALAMAN
SISTEM PENGURUSAN KUALITI MS ISO 9001:2004
TAHUN 2015

TARIKH AUDIT

1. Audit Dalaman Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2008 UPM tahun 2015 telah dijalankan pada 23 – 26 Mac 2015 dan 30 Mac – 2 April 2015.

OBJEKTIF AUDIT

2. Audit Dalaman SPK MS ISO 9001:2008 UPM tahun 2015 diadakan adalah bertujuan untuk:
 - i. melaksanakan Pengurusan Kualiti berdasarkan keperluan standard MS ISO 9001:2008 dengan efektif selaras dengan Dasar Kualiti UPM serta objektif dan sasaran Sistem Pengurusan Kualiti UPM; dan
 - ii. persediaan bagi menghadapi Audit Pensijilan Semula, oleh badan pensijilan.

KRITERIA AUDIT

3. Kriteria audit yang digunapakai adalah:
 - i. MS ISO 9001: 2008
 - ii. Dokumentasi SPK UPM
 - iii. Akta dan Peraturan berkaitan
 - iv. Rujukan lain yang dinyatakan dalam Manual Kualiti/Prosedur

KAEDAH AUDIT

4. Audit Dalaman dilaksanakan mengikut kaedah berikut:
 - i. Penelitian terhadap Manual Kualiti/Prosedur;
 - ii. Temubual dengan staf dan pelanggan;
 - iii. Semakan dokumen dan rekod;
 - iv. Pemerhatian ke atas aktiviti dan persekitaran kerja; dan
 - v. Pelaporan penemuan audit secara lisan dan bertulis

SKOP AUDIT

5. Skop audit adalah menyeluruh merangkumi skop pengurusan; prasiswa; siswazah; penyelidikan dan inovasi; proses perkhidmatan sokongan; dan proses operasi perkhidmatan sokongan melibatkan semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) kecuali Pusat Pemajuan Kompetensi Bahasa dan Pusat Sains Marin.

KUMPULAN AUDIT

6. Terdiri daripada 85 orang Juruaudit UPM dan dibantu oleh Juruaudit PTJ yang telah ditentukan oleh PTJ masing-masing. Pasukan audit telah dibahagikan kepada lima (5) kumpulan dan 74 sub-kumpulan.

PROGRAM AUDIT DALAMAN

7. Program Audit Dalaman telah disediakan oleh Penyelaras Audit merangkap Ketua Seksyen Audit Kualiti, Bahagian Pengurusan Kualiti UPM dan disahkan oleh Wakil Pengurusan UPM.

PENEMUAN AUDIT DALAMAN 2015

KEKUATAN

8. Dalam program Audit Dalaman pada kali ini, beberapa kekuatan UPM telah berjaya dikenal pasti.
 - i. Universiti telah berjaya mengenal pasti KPI dan juga Pelan Tindakan Peringkat Fungsian dan Aras. Pencapaian keseluruhan bagi tahun 2014 telah berjaya diukur sepenuhnya, manakala sasaran bagi tahun 2015 juga berjaya ditetapkan.
 - ii. Universiti telah menyatakan komitmen untuk menambah baik kualiti perkhidmatan sedia ada secara berperingkat dengan terlaksananya program integrasi pensijilan merangkumi Sistem Pengurusan Kualiti, Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS) dan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) bermula tahun 2015 untuk fasa pertama.
 - iii. Semua dokumen SPK boleh dirujuk oleh semua staf menerusi id dan kata laluan putra masing-masing. Capaian laman sesawang sistem e-ISO boleh diakses sama ada di dalam kampus mahupun di luar kampus.
 - iv. Pengurusan PTJ telah memberikan komitmen yang baik dalam melaksanakan SPK di PTJ masing-masing. Cadangan pelaksanaan Audit Dalaman oleh Juruaudit yang memiliki sijil Lead Assessor di PTJ masing-masing pada tahun hadapan merangkumi SPK, EMS dan ISMS merupakan satu inisiatif yang baik. Beberapa siri

latihan kepada Juruaudit bagi meningkatkan tahap kompetensi akan dimulakan pada tahun 2016 mengambil kira penggunaan standard MS ISO 9001 versi 2015 yang baharu.

- v. Ekosistem kualiti UPM adalah baik dan teratur menerusi pelaksanaan Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) UPM, Mesyuarat Jawatankuasa ISO (JKISO) UPM dan Mesyuarat Semakan Keberkesanan Proses (MSKP) oleh Peneraju Proses, secara berkala.
- vi. Program Pembudayaan Kualiti yang menyokong matlamat ke-lima Pelan Strategik UPM 2014-2020 iaitu "Mempertingkatkan Kualiti Tadbir Urus" , merupakan satu komitmen tinggi UPM bagi memantapkan sistem kualiti secara berterusan dan menjadikannya satu budaya yang diguna pakai oleh warga UPM. Pembudayaan kualiti dan inovasi akhirnya dapat diterjemahkan melalui pengiktirafan oleh badan pensijilan serta disokong oleh program dan aktiviti pengukuhan kualiti dan inovasi perkhidmatan yang diperkenalkan universiti. Pengiktirafan ini dapat meningkatkan kepercayaan pelanggan kerana ia menjadi tiket jaminan bahawa UPM menyediakan perkhidmatan yang terbaik.

KELEMAHAN/CADANGAN

- 9. Walaubagaimanapun, beberapa kelemahan turut dikenal pasti.
 - i. Pengurangan peruntukan kewangan kepada PTJ memberi kesan kepada hampir keseluruhan program dan aktiviti di PTJ. Antara kesannya adalah melibatkan penyusunan semula sumber tenaga manusia, pengurusan penyelenggaraan melibatkan prasarana, kemudahan pengajaran dan pembelajaran, kemudahan makmal, serta kontrak perkhidmatan. Oleh demikian, PTJ bukan sahaja perlu merangka dan merancang program atau aktiviti yang boleh memberi penjimatan dan nilai tambah kepada PTJ, malah perlu juga mengambil kira program atau aktiviti yang boleh menjana pendapatan khususnya yang memberi impak besar. Ini dapat memastikan kemampanan (sustainability) PTJ pada masa hadapan.
 - ii. Kawalan ke atas rekod khususnya melibatkan rekod yang tidak lengkap dan penggunaan kod fail yang tidak sama masih lagi lemah. Banyak penemuan ketakakuran ditemui dalam setiap program Audit Dalaman yang dilaksanakan sama ada dicatatkan sebagai ketakakuran, peluang penambahbaikan ataupun makluman secara lisan sahaja. Oleh demikian, dengan mengambil peluang pelaksanaan integrasi pensijilan yang sedang dilaksanakan kini, peneraju proses perlu melihat semula semua proses di bawah skop masing-masing agar dapat ditambah baik atau diringkaskan proses berkenaan tanpa menjejaskan keperluan standard. PTJ juga perlu memastikan semua rekod yang diperlukan di PTJ masing-masing dapat dilengkapkan.
 - iii. Komitmen pensyarah dalam penyediaan keperluan pengajaran dan pembelajaran iaitu berkaitan dengan fail kursus masih kurang. Sebanyak 28 OE ditemui dalam

audit dalaman kali ini. Namun demikian, kewujudan sistem dalam talian yang sedang dibangunkan diharap akan dapat membantu pensyarah melengkapkan semua keperluan yang telah ditetapkan dengan lebih mudah.

- iv. Universiti telah melaksanakan Satu Pensijilan MS ISO 9001:2008 bagi semua skop bermula tahun 2011. Walau bagaimanapun, Universiti masih belum mempunyai satu sistem pelupusan rekod yang seragam yang boleh digunakan di semua PTJ dengan berpandukan kepada Akta 629 (Akta Arkib Negara Malaysia 2003). Hasil penemuan audit dalaman kali ini, kebanyakan PTJ tidak melaksanakan proses pelupusan rekod bagi rekod yang mencapai tempoh pelupusan sebagaimana yang ditetapkan dalam dokumen SPK UPM.
- v. Universiti perlu memandang serius penemuan berulang tentang penggunaan logo pensijilan SPK (ISO 9001) yang tidak mengikut ketetapan badan pensijilan dan akreditasi, sebagaimana yang ditemui semasa Audit Pemantauan oleh pihak SIRIM pada tahun 2014. PTJ terlibat (Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat) menggunakan nombor persijilan ISO 9001:2008 yang lama iaitu AR4390 di kepala surat rasmi PTJ.
- vi. terdapat tiga (3) ketakakuran tertinggi bagi klausa berikut :
 - a. Klausa 7.5.1 iaitu berkaitan Kawalan Pengeluaran dan Penyediaan Perkhidmatan, didapati lemah. Tiga (3) proses yang mencatatkan Bukti Objektif (OE) tertinggi adalah prasiswazah, siswazah, dan penyelidikan.
 - b. Klausa 4.2.4 iaitu berkaitan Kawalan Rekod , dikenalpasti masih lemah. Tiga (3) proses yang mencatatkan OE tertinggi adalah prasiswazah, siswazah, dan pengurusan makmal.
 - c. Klausa 8.2.3 berkaitan Pemantauan dan Pengukuran Proses, perlu ditingkatkan. Tiga (3) proses yang mencatatkan OE tertinggi adalah penyelidikan, prasiswazah, dan siswazah/pengurusan makmal.

KETAKAKURAN (NCR) DAN PELUANG PENAMBAHBAIKAN (OFI)

10. Secara keseluruhannya, bilangan Ketakakuran (NCR) dan Peluang Penambahbaikan (OFI) adalah seperti berikut :-
 - i. NCR – 24 klausa dengan 184 bukti objektif; dan
 - ii. OFI – 29 klausa dengan 217 cadangan.
11. Lima (5) klausa bagi ketakakuran (NCR) yang memperolehi bukti objektif (objective evidence – OE) tertinggi ialah seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1 : Lima (5) Ketakakuran (NCR) dengan Bukti Objektif Tertinggi

Bil.	Klausa	Perkara	Jumlah OE	Peratusan (%)
1.	7.5.1	Kawalan Pengeluaran dan Penyediaan Perkhidmatan	52	28.26
2.	4.2.4	Kawalan Rekod	33	17.93
3.	8.2.3	Pemantauan dan Pengukuran Proses	30	16.30
4.	6.3	Prasarana	8	4.35
5.	7.6/ 7.5.5	Kawalan Peralatan Pemantauan dan Pengukuran / Pengekalan Produk	7	3.80

12. Antara proses yang mendapat OE tertinggi bagi NCR adalah seperti Jadual 2.

Jadual 2 : Bukti Objektif Tertinggi Mengikut Proses

Bil.	Proses	Jumlah OE	Peratusan (%)	Kategori Skop
1.	Prasiswazah	39	21.20	Perkhidmatan Utama
2.	Siswazah	26	14.13	Perkhidmatan Utama
3.	Pengurusan Makmal	25	13.59	Perkhidmatan Sokongan
4.	Penyelidikan	20	10.87	Perkhidmatan Utama
5.	Pengurusan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerja	19	10.33	Perkhidmatan Sokongan
6.	Kalibrasi	10	5.43	Perkhidmatan Sokongan
7.	Penyelenggaraan	7	3.80	Perkhidmatan Sokongan
8.	Kewangan	6	3.26	Perkhidmatan Sokongan
9.	Bahagian Keselamatan Universiti	5	2.72	Operasi Perkhidmatan Sokongan

13. Rajah 1 menunjukkan pecahan jumlah OE mengikut klausa. Manakala Rajah 2 dan Rajah 3 masing-masing menunjukkan pecahan OE mengikut proses, dan PTJ .
14. Jadual 3 menunjukkan lima (5) klausa yang memperolehi OFI tertinggi. Manakala Jadual 4 menunjukkan antara proses yang mendapat cadangan Peluang Penambahbaikan (OFI) tertinggi.

Jadual 3 : Lima (5) Klausu yang Memperolehi OFI Tertinggi

Bil.	Klausu	Perkara	Jumlah OFI	Peratusan (%)
1.	4.2.3	Kawalan Dokumen	44	20.28
2.	7.5.1	Kawalan Pengeluaran dan Penyediaan Perkhidmatan	26	11.98
3.	8.2.3	Pemantauan dan Pengukuran Proses	22	10.14
4.	4.2.4	Kawalan Rekod	18	8.29
5.	6.3	Prasarana	15	6.91

Jadual 4 : Bukti Cadangan Peluang Penambahbaikan (OFI) Tertinggi Mengikut Proses

Bil.	Proses	Jumlah OFI	Peratusan (%)	Kategori
1.	Prasiswazah	30	13.82	Perkhidmatan Utama
2.	Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja	19	8.76	Perkhidmatan Sokongan
3.	Penyelidikan	17	7.83	Perkhidmatan Utama
4.	Pengurusan Makmal	15	6.91	Perkhidmatan Sokongan
5.	Siswazah	13	5.99	Perkhidmatan Utama
6.	Perpustakaan Sultan Abdul Samad	12	5.53	Operasi Perkhidmatan Sokongan
7.	Kolej Kediaman	11	5.07	Operasi Perkhidmatan Sokongan
8.	Pusat Kesihatan Universiti	11	5.07	Operasi Perkhidmatan Sokongan
9.	Pejabat Timbalan Naib Canselor (HEPA)	10	4.61	Operasi Perkhidmatan Sokongan
10.	Penyelenggaraan	8	3.69	Perkhidmatan Sokongan
11.	Kalibrasi	7	3.23	Perkhidmatan Sokongan
12.	Pejabat Pendaftar	7	3.23	Pengurusan

15. Rajah 4, Rajah 5 dan Rajah 6, masing-masing menunjukkan pecahan OFI mengikut klausu, proses dan PTJ.

TARIKH TUTUP NCR


16. Dalam tempoh 21 hari bekerja atau yang telah dipersetujui oleh Juruaudit UPM.

KESIMPULAN

17. Secara keseluruhannya, sebagaimana objektif Audit Dalaman ini diadakan, UPM didapati telah melaksanakan satu pensijilan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2008 bagi tahun 2015 dengan baik dan menyeluruh. UPM juga bersedia menghadapi Audit Pensijilan Semula oleh badan pensijilan SIRIM yang dijangka akan diadakan pada 17 hingga 26 Jun 2015.
18. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan yang ditemui sepanjang tempoh pengauditan dan perlu diambil tindakan yang berkesan. Tambahan daripada itu, beberapa cadangan penambahbaikan turut dikemukakan sebagai salah satu proses penambahbaikan berterusan bertujuan untuk memantapkan lagi proses sedia ada sesuai dengan perubahan masa.

Disediakan oleh:


Shahriman bin Hashim
Ketua Pasukan Audit Dalaman SPK UPM 2015
21 April 2015



Rajah 1 : Pecahan Jumlah Bukti Objektif bagi Ketakakuran (NCR) Mengikut Klausa

Nota


7.5.1 Kawalan Penyediaan Produk dan Penyampaian Perkhidmatan	6.2.2 Kemahiran, Latihan dan Kesedaran
4.2.4 Kawalan Rekod	7.2.3 Komunikasi dengan Pelanggan
8.2.3 Pemantauan dan Pengukuran Proses	7.5.4 Hakmilik Pelanggan
6.3 Infrastruktur	8.4 Analisis Data
7.6 Kawalan Alat Pemantauan dan Pengukuran	7.2.1 Penentuan Keperluan yang Berkaitan dengan Produk
7.5.5 Pemeliharaan Produk	8.2.1 Kepuasan Pelanggan
6.4 Persekitaran Kerja	8.5.2 Tindakan Pembetulan
8.3 Kawalan Produk yang Tidak Memenuhi Keperluan	7.1 Perancangan Realisasi Produk
5.5.1 Tanggungjawab dan Kuasa	4.1 Keperluan Am
8.2.4 Pemantauan dan Pengukuran Produk	7.4.3 Verifikasi Bahan yang Diperolehi
7.5.2 Validasi Proses Penyediaan Produk dan Penyampaian Perkhidmatan	7.5.3 Identifikasi dan Kebolehesanan
4.2.3 Kawalan Dokumen	8.5.3 Tindakan Pencegahan




Rajah 2 : Pecahan Bukti Objektif bagi NCR Mengikut Proses

Nota

PS	Pra Siswazah	TPU	Taman Pertanian Universiti
S	Siswazah	CADE	Pusat Pembangunan Akademik
LAB	Pengurusan Makmal	ICT	Peralatan dan Kemudahan ICT
PY	Penyelidikan	KOLEJ	Kolej Kediaman
OSH	Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan	PEL	Kepuasan Pelanggan
CAL	Kalibrasi	PNC	Pejabat Naib Canselor
PYG	Penyelenggaraan	PUPM	Penerbit UPM
